Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA

BERITA JMM JILID 33 ▪ BIL.1/2021 ▪ JANUARI - APRIL | ISSN 2231-8321

Majlis Pelancaran

Dasar Permuziuman Negara dan Kempen Kembali ke Muzium

Dari Meja KETUA PENGARAH

Menginjak ke tahun 2021, isu pandemik COVID-19 ini masih berlarutan dan menular wabaknya ke seluruh pelusuk dunia. Apa yang pasti jumlah kes yang sudah mencatatkan empat angka di dalam negara kita ini menunjukkan peningkatan yang ketara setiap minggu dan semakin membimbangkan.

Manusia sejagat telah diterapkan dengan norma baharu di dalam kehidupan seharian sebagai langkah keselamatan dan perlindungan buat diri, keluarga dan masyarakat sekeliling umumnya. Namun begitu, setiap penyakit mesti ada penawarnya. Pada tanggal 21 Februari 2021 yang lalu merupakan detik bersejarah buat negara kita apabila kumpulan pertama bekalan vaksin COVID-19 keluaran Pfizer selamat tiba. Sehubungan dengan itu, ia memberi sinar baru dalam mendepani ancaman COVID-19 ini dari terus menular. Diharap dengan vaksin ini, kita memperoleh imunisasi untuk melawan wabak dan seterusnya dapat menjalani kehidupan secara normal semula.

Dalam konteks permuziuman pula, pameran adalah salah satu program teras kita. Warga muzium harus mencari 'vaksin' bagi mengembalikan semula zaman kegemilangan teras ini melalui pameran yang dijadualkan. Muzium perlu bertindak progresif dalam menyampaikan pendidikan secara tidak formal melalui maklumat dan fakta yang sahih dan terperinci. Pameran haruslah bersifat logikal serta konklusif dan bukan bak kata pepatah seperti 'melepaskan batuk di tangga' atau syok sendiri. *Post-mortem* atau merujuk kembali pameran-pameran yang pernah meletup dan mencapai tahap *box office* seperti Pameran Hantu, Pameran Keranda dan sebagainya untuk mendapat ilham dan inspirasi bagi menarik pengunjung datang ke muzium. Kolaborasi atau libat urus dengan agensi kerajaan dan swasta juga perlu difikirkan bagi memperluas dan memantapkan skop dan tema pameran.

Selain itu, rangka promosi yang komprehensif juga perlu giat dijalankan melalui hebahan secara maya, media sosial, jaringan kerjasama dan lain-lain. Ingatkan kepada diri bahawa kita seperti 'menjual' muzium untuk mendapatkan seberapa ramai pelanggan dan semestinya perlu mencapai sasaran 'jualan' yang ditetapkan. Akhir kata, muzium sebagai penyimpan khazanah perlu mengorak langkah seiring perkembangan arus perdana. Serangkap pantun daripada saya yang menerangkan peranan muzium dalam komuniti dan masyarakat;

Kalau dilipat sebesar kuku
Kalau dibentang sebesar alam
Jika hilang dicari
Jika hanyut dipintas
Jika tenggelam diselam

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim
Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia

Editorial

RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN
Majlis Pelancaran Dasar Permuziuman Negara dan Kempen Kembali ke Muzium di Dataran Muzium Negara pada 6 April 2021

PENASIHAT
Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

KETUA EDITOR
Mohd Razaimi bin Hamat

EDITOR
Mohd Khairill bin Jemangin
Nor Hafizzah binti Abdul Rahman

PENYELARAS
Rozlinah binti Ismail
Hamidah binti Mohd Tahir
Roseanida binti Abdul Kadir

FOTOGRAFI
Unit Sumber Media

EDARAN
Unit Perpustakaan

DITERBITKAN OLEH
Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur
Tel : (+603) 2267 1000, (+603) 2282 6255
Faks : (+603) 2282 6434
https://www.jmm.gov.my

DICETAK OLEH
Sepantas Kurnia (M) Sdn Bhd

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali. Berita ini boleh dimuat turun daripada laman web JMM.

KANDUNGAN

JILID 33 / BIL.1 / 2021 JANUARI - APRIL

MAJLIS PELANCARAN DASAR PERMUZIUMAN NEGARA DAN KEMPEN KEMBALI KE MUZIUM JABATAN MUZIUM MALAYSIA	4
PAMERAN KUASA EMAS	6
PAMERAN WABAK SEDUNIA PANDEMIK, EPIDEMIK DAN ENDEMIK	7
PAMERAN KALENDAR LUNAR CINA	8
PAMERAN FOTO SEABAD EL-DORADO TIMUR	9
WAWANCARA ISTIMEWA BERSAMA MANTAN TIMBALAN KETUA PENGARAH PERMUZIUMAN	10
PROGRAM ATAS TALIAN RASMI JABATAN MUZIUM MALAYSIA	12
PROGRAM JERAYAWARA MAJLIS PELANCARAN SIRI 1 : KEMPEN KEMBALI KE MUZIUM DI MUZIUM PERAK	13
PROGRAM LIVING MUSEUM DAY@MSKOA 2021	14
BICARA@MUZIUM : PERANAN DAN FUNGSI TAPAK 23, PENGKALAN BUJANG	15
BERITA BERGAMBAR	16
BICARA@MUZIUM : PERANAN ORANG BUGIS DAN MINANGKABAU DI KEDAH & MERUNGKAI PENINGGALAN BATU NESAN ACEH DI KEDAH	18
BICARA@MUZIUM : WACANA ORANG ASLI	19
PROGRAM BICARA SEJARAH PERLIS SIRI 1 MEMASYARAKATKAN SEJARAH	20
BICARA KURATOR SIRI 1 - PEMILIHAN DAN PELANTIKAN YANG DI-PERTUAN AGONG; DI SEBALIK KOLEKSI TERPILIH PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA	21
BICARA KURATOR SIRI 2 - AKTIVITI STRATEGIK BAGI MUZIUM DI ERA SAINS, TEKNOLOGI DAN GLOBALISASI, KAJIAN KES MUZIUM BIO PERUBATAN, INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN, KUALA LUMPUR	22
PROGRAM RIADAH MAHABBAH JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS	23
PROGRAM ATAS TALIAN SYOKNYA MUZIUM DAN SEJARAH 2021 "KENALI DUNIA KONSERVASI"	24
PROGRAM KEJOHANAN SILAT BERKERIS KEBANGSAAN SECARA ATAS TALIAN	25
SENJATA LAMA ATM (MAGAZIN DRAM) RAWATAN KONSERVASI	26
KURSUS PENYELIDIKAN "KAJIAN DAN TINJAUAN LITERATUR SEBELUM KERJA LAPANGAN"	27
PENDOKUMENTASIAN BATU BATA INGGERIS PEMBINAAN MENARA CHIMNEY LABUAN	28
SUMBANGAN BEKALAN ASAS WARIS JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2021	30
POSTER PROGRAM BICARA KURATOR BERSIRI 2021	31

Majlis Pelancaran

DASAR PERMUZIUMAN NEGARA DAN KEMPEN KEMBALI KE MUZIUM JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Oleh: Siti Munirah binti Kasim, Unit Dasar dan Perancangan Strategik

6 APRIL 2021 - Jabatan Muzium Malaysia (JMM) julung-julung kalinya telah mengadakan Majlis Pelancaran Dasar Permuziuman Negara dan Garis Panduan Permuziuman sekaligus Kempen Kembali ke Muzium. Majlis pelancaran ini dihadiri seramai 100 orang tetamu yang terdiri daripada wakil Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MoTAC), Agensi-Agensi di bawah tadbir urus MoTAC dan Pengarah serta kakitangan Muzium-Muzium Negeri dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan protokol program yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Menerusi ucapan beliau, YB menteri mengucapkan tahniah kepada warga JMM kerana telah menunjukkan satu sinergi holistik sehingga berjaya menghasilkan Dasar Permuziuman Negara dan garispanduan permuziuman. Beliau menyuarakan keyakinannya bahawa pelancaran buku ini pastinya ditunggu-tunggu sejak sekian lama oleh segenap barisan profesional muzium di Malaysia sebagai salah satu sumber rujukan asas permuziuman yang sangat penting. Selain itu, beliau turut mengalu-alukan Kempen Kembali ke Muzium bagi memastikan sektor permuziuman untuk bangkit semula mengharungi situasi global yang mencabar pada ketika ini dan pada masa yang sama, usaha ini dilihat mampu mengukuhkan daya saing dan kelestarian industri pelancongan negara agar terus utuh.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBhg Dato' Dr. Noor Zari Bin Hamat, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia. Dalam ucapannya, YBhg. Dato' KSU mengucapkan tahniah dan syabas kepada JMM kerana berjaya melancarkan Buku Dasar Permuziuman Negara dan Garis Panduan yang mana akan terpahat sebagai satu sejarah kerana buat julung kalinya berhasil menggarap dan menyediakan satu dasar dan juga garis panduan yang telah lama dinantikan oleh professional dan penggiat permuziuman di negara kita. Selain itu, beliau juga berharap semoga Kempen Kembali ke Muzium oleh JMM akan mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada masyarakat dan seterusnya menggalakkan penghayatan terhadap sejarah dan budaya negara.

Manakala Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia iaitu YBhg. Datuk Kamarul Baharin Bin A.Kasim dalam ucapan aluannya kepada tetamu jemputan turut berharap agar Dasar dan Garis Panduan yang dibangunkan oleh JMM ini akan dapat menambah maklumat serta melengkapi, menyokong dan memberi tafsiran yang lebih jelas kepada Akta Muzium yang akan dibentangkan kelak. Beliau turut menyatakan komitmen JMM untuk terus merancakkan industri pelancongan melalui kempen Kembali ke Muzium yang mana diharap dapat menarik lebih ramai pelancong domestik menerusi Gelembung Pergerakan Pelancongan Bersasar Domestik yang dibenarkan pihak kerajaan dengan amalan kebiasaan baharu. Menurut beliau lagi, pelbagai program menarik telah diatur khusus oleh semua muzium di seluruh negara yang merangkumi program bersifat warisan, sejarah dan budaya. Mengakhiri ucapan, beliau juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, YBhg Dato' Dr. Noor Zari Hamat dan semua warga MoTAC yang sentiasa menyokong dan membantu muzium dalam perkembangan dan pembangunannya serta kepada semua yang telah bertungkus lumus menjayakan program ini.

Dasar Permuziuman Negara dan Garis Panduan ini diwujudkan bagi memperkemas hala tuju institusi

permuziuman tanah air khususnya selepas mengambilkira perkembangan penubuhan muzium yang pesat kebelakangan ini serta hubungan di antara pihak muzium dengan pihak luar yang semakin meluas jangkauannya. Dasar dan Garis Panduan ini pertama kalinya dalam sejarah institusi permuziuman negara, memberi pandu arah serta menggariskan kerangka kerja terperinci yang jelas yang boleh diimplementasikan sebagai landasan kejayaan profesional muzium.

Justeru bermula dengan Mesyuarat Penyelarasan Penyediaan Kertas Dasar Jabatan yang telah berlangsung pada 10 Julai 2014, telah diputuskan bahawa 12 dasar perlu diketengahkan dengan mengambil kira kepentingan bidang-bidang berkenaan sebagai menjamin kelangsungan jabatan untuk terus bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa. Selepas itu, pemilihan empat teras perkhidmatan telah dimuktamadkan untuk diserapkan ke dalam satu dasar, manakala baki sebanyak lapan dasar lagi diletakkan sebagai garis panduan yang hanya digunapakai di peringkat jabatan.

Kompilasi Dasar Permuziuman Negara dan Garis Panduan dibahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah Dasar Permuziuman Negara yang mengandungi empat dasar merangkumi Penubuhan Muzium, Pengurusan Koleksi, Pengurusan Konservasi dan Keselamatan Muzium. Manakala bahagian kedua pula mengandungi lapan Garis Panduan iaitu Pameran, Penyelidikan, Penerbitan, Kerjasama dan Hubungan Antarabangsa, Pemasaran Muzium, Pendidikan dan Pengembangan, Pengurusan Sumber Manusia dan Pembangunan Modal Insan serta Sukarelawan Muzium.

Penyediaan Dasar Permuziuman Negara mengambil kira semua input, pandangan dan cadangan daripada setiap pihak berkepentingan. Dasar yang dirangka meliputi bidang-bidang permuziuman yang sedia ada selaras dengan piawaian Majlis Muzium Antarabangsa [International Council of Museums (ICOM)]. Justeru, penerbitan Dasar Permuziuman Negara dan Garis Panduan ini boleh disifatkan sebagai suatu dokumen yang menterjemahkan aspirasi JMM dalam menentukan hala tuju permuziuman negara serta mampu memberikan impak jangka masa panjang dalam usaha pengekalan dan pemeliharaan serta pemuliharaan warisan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi negara.

Selain itu, JMM juga telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan kempen “Kembali Ke Muzium” bagi mempromosikan bukan hanya muzium-muzium di bawah jabatan tetapi juga semua muzium di seluruh negara. Kempen ini bertujuan untuk menarik lebih ramai pelawat ke muzium-muzium di seluruh tanah air sebagai satu usaha ke arah merancakkan semula pelancongan domestik menerusi Gelembung Pergerakan Pelancongan Bersasar Domestik yang dibenarkan pihak kerajaan. Pelbagai program menarik telah diatur khusus oleh semua muzium di seluruh negara yang merangkumi program bersifat warisan, sejarah dan budaya. Pada tahun ini, Jabatan Muzium Malaysia mensasarkan seramai 1.5 juta pelawat akan melawat 20 buah muzium di bawah pentadbirannya.

PAMERAN KUASA EMAS

Oleh: Nor Hanisah binti Ahmad, Bahagian Pengurusan Koleksi

Tanah Melayu suatu ketika dahulu digelar sebagai Survanabumi yang bermaksud 'Tanah Keemasan' kerana kekayaan hasil emas yang dimiliki. Claudius Ptolemy, seorang ahli geografi ada menyebut tentang *Chersonese Aurea* yang bermaksud 'Semenanjung Emas', merujuk tentang kewujudan emas di Semenanjung Tanah Melayu. Terdapat satu jajaran merentasi negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan yang dikenali sebagai *"Malaysia Gold Belt"* pernah menyumbang kepada sumber emas terbesar dunia suatu ketika dahulu.

Emas merupakan mineral semulajadi yang bersifat padat tetapi lembut dan mudah ditempa serta mempunyai ketahanan terhadap proses pengoksidaan. Warna kuningnya yang berkilau dianggap menarik sehingga menjadi rebutan dan buruan manusia sejak berabad dahulu. Sepanjang sejarah peradaban manusia, nilai emas tetap tinggi bukan sahaja menjadi alat penyimpan nilai dan kekayaan yang unggul, malahan diterima oleh semua masyarakat seluruh dunia. Menyedari hakikat tersebut, Pameran Kuasa Emas telah diadakan di Galeri 1, Jabatan Muzium Malaysia mulai 21 Disember 2020 hingga 21 Jun 2020.

Pameran pada kali ini bukanlah untuk memperlihatkan kecantikan dan kehalusan nilai estetika koleksi berunsurkan emas semata-mata tetapi turut memberi pendedahan mengenai nilai emas yang menyebabkan obsesnya manusia terhadap logam tersebut sehingga bertindak tanpa sedar akan bahaya yang boleh meragut nyawa. Mereka sanggup mengambil risiko membahayakan diri demi memburu emas seperti tragedi di Lubuk Mandi, Terengganu yang berlaku tidak lama dahulu. Betapa besar 'kuasa emas' yang dilihat mampu mempengaruhi pandangan manusia dalam seluruh aspek kehidupan meliputi sosio budaya dan sosio ekonomi. Emas mampu mengubah perilaku manusia sehingga menimbulkan pelbagai konflik seperti perebutan, peperangan, penjajahan, perhambaan dan pertumpahan darah sejak kewujudan tamadun manusia ribuan tahun silam. Penemuan emas juga menyebabkan migrasi manusia dengan jumlah yang besar seperti kejadian *California Gold Rush, Congo Gold Rush, Australian Rush* dan sebagainya. Slogan 3G *(God, Gold and Glory)* menjadi motif penjajah Eropah untuk menakluk kekayaan di Asia Tenggara kerana emas menjadi sumber utama perdagangan sekitar abad ke-15. Konflik ini juga menyebabkan berlakunya rampasan harta kekayaan akibat peperangan sehingga mencetuskan pelbagai insiden yang sehingga kini masih menjadi misteri seperti tragedi emas Yamashita yang pernah menggemparkan dunia.

Emas sangat istimewa dalam budaya dan kepercayaan masyarakat di seluruh dunia. Emas menjadi simbol status sosial sejak zaman pemerintahan Firaun berdasarkan penemuan bukti arkeologi yang memperlihatkan penggunaan emas dalam upacara pengkebumian dan ritual mereka. Kekuasaan dan kekayaan sesebuah negara juga dilihat melalui pemilikan nilai rizab emasnya. Semakin tinggi jumlah pemilikan rizab emas, maka semakin tinggi status kekayaan sesebuah negara dalam memperkukuhkan kestabilan ekonomi mereka. Pameran ini juga mempamerkan koleksi emas yang memperlihatkan fungsinya yang menjadi simbol terhadap status seseorang, pemerintah dan juga negara.

Sebanyak 155 koleksi telah dipamerkan dalam pameran ini antaranya seperti koleksi duit syiling emas semasa pemerintahan Kesultanan Melayu yang menggambarkan kekayaan raja-raja Melayu dan juga simbol pemerintah mengikut zamannya. Replika Bunga Emas Kedah dan Kelantan juga dipamerkan bagi menunjukkan hubungan diplomatik antara Tanah Melayu dengan kerajaan Siam suatu ketika dahulu. Turut dipamerkan perhiasan diri seperti pending, caping dan cucuk sanggul serta barang kegunaan harian seperti mangkuk, tepak sirih dan set minuman bagi menunjukkan status seseorang. Selain itu, dipamerkan juga Anugerah Kasut Emas dan pingat emas atlit-atlit paralimpik untuk menggambarkan kuasa emas yang menjadi pendorong semangat kesukanan hingga mengharumkan nama negara di persada dunia.

Ketamadunan manusia telah mengeksploitasi dan memberi nilai tambah dalam menghasilkan produk berasaskan emas yang kini beralih kepada penggunaan di dalam bidang perubatan, kosmetik, teknologi, elektronik dan telekomunikasi. Pasca modenisasi kini memaparkan ketamadunan manusia yang lebih canggih dalam meletakkan emas ke tahap yang lebih tinggi berasaskan inovasi dan teknologi. Transformasi fungsi emas dalam ruang lingkup kehidupan manusia menjadikannya seolah-olah mendominasi pemikiran dan keinginan yang berterusan tanpa batasan sehingga menjadi kegilaan manusia.

Perbincangan dengan En Armazawi, pemilik bengkel pertukangan emas untuk tujuan peminjaman koleksi bagi pengisian Pameran Kuasa Emas.

Ujian ketulenan emas dilakukan terhadap koleksi oleh pegawai Institut Nuklear Malaysia sebelum koleksi emas dipamerkan di ruang pameran

Liputan media cetak mengenai Pameran Kuasa Emas

PAMERAN WABAK SEDUNIA: PANDEMIK, EPIDEMIK DAN ENDEMIK

Oleh: Shafinaz binti Ahmad Shaharir, Bahagian Pameran dan Pengembangan

Pameran ini turut mengetengahkan petugas barisan hadapan termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan serta individu ketika berdepan penularan wabak COVID-19 di Malaysia

Pakaian Perlindungan Diri (PPE) Era Renaisans yang menjadi tarikan utama pengunjung

Pameran Wabak Sedunia: Pandemik, Epidemik dan Endemik yang berlangsung di Muzium Negara

Pameran Wabak Sedunia: Pandemik, Epidemik dan Endemik merupakan sebuah pameran khas yang memaparkan pelbagai jenis wabak penyakit yang melanda masyarakat dunia sepanjang ketamadunan manusia sehinggalah yang terkini iaitu wabak COVID-19. Cetusan idea bagi mengadakan pameran ini kerana berlakunya penularan wabak COVID-19 ke seluruh dunia yang disebabkan oleh coronavirus, SARS-CoV-2 yang bermula di Wuhan, China pada penghujung tahun 2019 sehingga menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik. Wabak ini turut menular di Malaysia sehingga menyebabkan kerajaan Malaysia mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 di seluruh Malaysia dan pembudayaan norma baru di kalangan masyarakat yang bertujuan untuk mengekang penularan wabak yang berbahaya ini.

Justeru Jabatan Muzium Malaysia telah mengambil inisiatif mengadakan pameran ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai bahaya dan risiko penyakit berjangkit. Pameran ini terbahagi kepada lapan segmen utama iaitu Pengenalan, Kronologi Sejarak Wabak Dunia, Wabak-wabak Terpilih Era Moden di Malaysia, Garis Masa Global COVID-19, Garis Masa Pandemik COVID-19 di Malaysia, Kaedah Perubatan Alternatif, Semangat Rakyat Malaysia dan Harapan Rakyat Malaysia. Koleksi yang menjadi tarikan utama pengunjung adalah Pakaian Perlindungan Diri (PPE) era Renaisans Eropah yang mempunyai reka bentuk topeng muka yang unik seperti paruh burung. Pameran ini turut disokong dengan diorama yang bertajuk Dari ICU ke Liang Lahad yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa wabak COVID-19 adalah wabak yang amat berbahaya sehingga boleh membawa maut.

Pameran ini telah mendapat kerjasama daripada Kementerian Kesihatan Malaysia serta beberapa jabatan dan agensi lain seperti Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia, Institut Kesihatan Negara, Pusat Kawalan Kusta Negara, Jabatan Penerangan Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Universiti Malaya, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia dan beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan serta individu dalam mendapatkan bahan-bahan serta meminjamkan koleksi yang berkaitan untuk dipamerkan. Pameran Wabak Sedunia: Pandemik, Epidemik dan Endemik ini telah dibuka kepada orang ramai mulai 21 Disember 2020 yang bertempat di Dewan Tengah, Muzium Negara.

Pameran Kalendar Lunar *Cina*

Oleh: Intan Masayu binti Abdullah, Muzium Negara

Kalendar Lunar Cina seperti yang diketahui umum adalah berasaskan kepada kalendar lunisolar sama seperti takwim Ibrani dan kalendar Hindu yang menggabungkan unsur takwim qamari dengan kalendar solar. Masyarakat di negara China kini banyak menggunakan kalendar Gregorian dalam untuk menentukan tarikh perayaan tradisi mereka seperti Tahun Baru Cina, perayaan Duan Wu dan perayaan Kuih Bulan.

Tahun Lembu merupakan zodiak bagi tahun 2021 yang disambut dalam perayaan Tahun Baru Cina oleh semua masyarakat Cina di seluruh dunia. Tahun Lembu juga merupakan salah satu tahun yang bertuah bagi masyarakat Cina kerana lembu dikatakan mempunyai sifat-sifat yang setia, tegas, bertekad dan amat boleh dipercayai di dalam apa jua yang dilakukan atau diceburi oleh seseorang individu itu sendiri.

Justeru sebuah pameran khas iaitu Pameran Kalendar Lunar Cina telah dilangsungkan di Galeri 2, Jabatan Muzium Malaysia untuk memaparkan keunikan kalendar masyarakat Cina yang digunakan sejak dari dahulu lagi. Pameran ini telah bermula pada 27 Mac 2021 sehingga 30 April 2021, namun pembukaan pameran ini kepada orang ramai adalah tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) semasa yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Melalui pameran ini juga, turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti sampingan seperti jualan dan demontrasi teh Cina, demonstrasi lukisan kaligrafi dan Pertandingan Teka Berat Limau Mandarin.

Objektif utama pameran ini adalah untuk menyemarakkan semangat perpaduan antara kaum di Malaysia dan memberi peluang kepada orang ramai untuk melihat dan menghayati koleksi-koleksi yang berkaitan dengan Kalendar Lunar Cina khususnya koleksi masyarakat Cina dalam menyemarakkan perayaan-perayaan yang disambut saban tahun.

Pameran ini memaparkan enam segmen khusus disamping turut memperagakan sebanyak 64 koleksi dan prop mengenai Kalendar Lunar Cina milik Jabatan Muzium Malaysia dan orang perseorangan. Antara yang ditampilkan adalah koleksi rakyat Malaysia yang telah berjaya menawan puncak Gunung Everest buat julung kalinya iaitu koleksi baju ekspedisi yang dipakai oleh Datuk Mohanadas Nagappan, sijil pendakian gunung everest, tukul ais yang digunakan oleh Datuk Magendran M. Munisamy, dan kasut but yang dipakai oleh Datuk Mohanadas Nagappan yang merupakan salah satu peristiwa penting dalam sejarah tahun lembu.

Semoga penganjuran pameran ini dapat mencapai objektifnya dan berjaya menyebarluas pengetahuan dan membina kefahaman masyarakat tentang sejarah kalendar dunia khususnya Kalendar Lunar.

Set minuman teh ini mengandungi teko dan tiga cawan ini digunakan oleh masyarakat Baba dan Nyonya semasa menyambut perayaan Tahun Baru Cina. Set ini juga dihiasi motif bunga peony dan warna yang menarik bagi menunjukkan status kemewahan bagi menyambut perayaan yang istimewa ini.

12 model ukiran haiwan dalam zodiak kalendar Cina yang melambangkan dua belas jenis personaliti yang berbeza.

Segmen Peristiwa Dan Kejayaan Dalam Tahun Lembu Di Malaysia.

Gendang Cina ini merupakan salah satu alat permainan muzik tradisional dan mempunyai pelbagai saiz. Gendang Cina juga adalah salah satu alat muzik yang digunakan sewaktu persembahan tarian singa bagi sambutan perayaan Tahun Baru Cina.

Ruang Pameran Kalendar Lunar Cina.

Samfu pada asalnya mula diperkenalkan beratus tahun dahulu semasa pemerintahan dinasti Ching di China. Samfu masih lagi dipakai oleh kaum masyarakat Cina di Malaysia sehingga kini terutamanya ketika perayaan Tahun Baru Cina. Baju samfu ini berwarna putih dan coraknya dipenuhi dengan bunga merah dan daun berwarna biru.

Poster Pameran Kalendar Lunar Cina.

PAMERAN FOTO: SEABAD EL-DORADO TIMUR, MUZIUM SUNGAI LEMBING

Oleh: Muhammad Faizol bin Rani, Muzium Sungai Lembing

Muzium Sungai Lembing, Pahang telah mengadakan pameran foto "Seabad El-Dorado Timur" pada 1 Januari 2021 bertempat di aras atas galeri muzium. Pameran yang julung kali diadakan sejak Muzium Sungai Lembing ditubuhkan pada 2001 ini mempamerkan gambar-gambar lama yang merakamkan perihal tentang Sungai Lembing dari era awal perlombongan iaitu sekitar tahun 1887 sehinggalah dihentikan pada tahun 1986.

Antara yang dipamerkan termasuklah gambar-gambar lama pekan Sungai Lembing, penempatan masyarakat, gaya hidup, aktiviti sosial komuniti di Sungai Lembing ketika itu dan yang paling utama ialah paparan foto-foto aktiviti perlombongan bijih timah yang telah dioperasikan oleh syarikat *Pahang Consolidated Company Limited* (PCCL) meliputi kerja-kerja di dalam kolong, pejabat PCCL dan juga kilang bijih timah.

Objektif utama pameran ini adalah untuk memberi peluang kepada masyarakat tempatan supaya dapat mengimbau semula sejarah Sungai Lembing yang dulunya dikenali sebagai sebuah pekan yang maju sehingga diberikan gelaran El-Dorado Timur yang bermaksud bandar kaya dengan khazanah galian bermutu tinggi. Pameran ini juga bertujuan untuk memperkenalkan sejarah Sungai Lembing daripada pelbagai perspektif serta menyelami kehebatan Sungai Lembing sebagai sebuah pekan di Pahang yang pernah menjalankan aktiviti perlombongan bawah tanah yang terdalam dan terpanjang di dunia suatu ketika dulu.

Semoga pameran ini dapat menarik minat serta mendapat sambutan yang sangat baik daripada para pengunjung Muzium Sungai Lembing disamping terus mampu menjadikan muzium ini sebagai pusat ilmu pengetahuan yang dapat memupuk rasa cinta akan sejarah dan warisan tempatan ke dalam jiwa pelbagai lapisan masyarakat di negara ini khususnya di negeri Pahang.

Wawancara

ISTIMEWA BERSAMA MANTAN TIMBALAN KETUA PENGARAH PERMUZIUMAN

Oleh: Rozlinah binti Ismail, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

PROFIL

Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof

Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Abu Bakar Mentakab Pahang pada tahun 1969 dan meneruskan persekolahan sehingga ke tingkatan enam di Sekolah Menengah Sulaiman, Bentong Pahang. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya pada tahun 1982 hingga 1985 dalam bidang Antropologi & Sosiologi.

Pada tahun 1986, beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Negeri (Temerloh) dan pada tahun 1991, melapor diri di Jabatan Muzium Negara sebagai Pegawai Kurator bermula dengan jawatan sebagai Penolong Pengarah Unit Sejarah. Sepanjang kerjayanya di muzium menyaksikan beliau telah menyandang beberapa jawatan antaranya, Pengarah Muzium Sejarah Nasional, Pengarah Jabatan Muzium Wilayah Selatan, Pengarah Bahagian Penyelidikan, Pengarah Muzium Negara dan jawatan akhir beliau adalah sebagai Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman sebelum menjawat jawatan Ketua Pengarah di Jabatan Warisan Negara pada tahun 2020. Semasa dalam perkhidmatan beliau di Muzium, beliau telah berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana (Master) di Perancis pada tahun 1995.

Beliau dikenali sebagai seorang yang tegas dan berpendirian tetap. Sifat keterbukaan dan "kebapaan" beliau menjadikan beliau sebagai *role model* yang disegani dan dihormati dalam kakitangan JMM.

Kreativiti beliau menyaksikan banyak idea-idea baru dilahirkan seperti lirik lagu Muzium Kita Tamadun Kita, program-program muzium yang memberi impak seperti Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM), Program Bermalam di Muzium, Denai Malam di Muzium dan lain-lain program yang sememangnya termaktub dalam sejarah JMM.

Bersama

Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof
Mantan Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman

1.Terlebih dahulu, tahniah diucapkan atas perlantikan tuan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara. Tuan pernah berkhidmat di Jabatan Muzium Malaysia dan sekarang di Jabatan Warisan Negara. Pada pandangan tuan, apakah kedua-dua jabatan ini boleh bersama-sama berjalan seiringan untuk menjaga nilai sejarah, budaya dan warisan negara?

Kita berkhidmat untuk negara, sehubungan dengan itu kedua-dua jabatan ini mampu bergerak seiringan mengikut peranan masing-masing dengan matlamat yang satu iaitu memenuhi aspirasi Negara.

2. Bagaimanakah pandangan tuan terhadap JMM sebagai peneraju sektor permuziuman di Malaysia kini dan akan datang?

Sebagai muzium utama di Malaysia, sepatutnya dan sememangnya JMM perlu menjadi role model kepada muzium-muzium lain di Malaysia. Hal ini kerana JMM mempunyai pelbagai kemudahan yang boleh meletakkannya sebagai peneraju dalam bidang permuziuman khususnya dari segi kepakaran, sumber manusia, kewangan serta kemudahan peralatan.

JMM perlu menyediakan pusat latihan untuk melatih kakitangan muzium yang lain agar pentadbiran secara total dapat dilaksanakan. Selain itu, latihan-latihan ini perlu menjurus kepada teras utama muzium seperti pembinaan galeri dan pameran, kerja-kerja konservasi dan hal lain yang berkaitan.

3. Galeri Maya vs Galeri Fizikal. Apakah pendapat tuan tentang perbezaan impak yang akan dirasai oleh pengunjung terutamanya dari sudut ilmiah dan pengalaman?

Bagi saya pameran maya tidak memberi impak secara menyeluruh dan hanya bersifat sementara sahaja. Saya lebih berminat dan bersikap konservatif terhadap pameran kerana pameran secara fizikal dapat memberikan perasaan serta dapat menghayati dengan baik dan meninggalkan kesan yang mendalam kepada pengunjung yang datang.

4. Apakah perasaan tuan bilamana ramai orang mengaitkan tuan dengan program IPIM?

Keterlibatan saya di dalam IPIM adalah semuanya kerana muzium. Hal ini kerana kesedaran saya tentang kepentingan muzium dalam sejarah kita. Banyak elemen-elemen yang yang terdapat di muzium boleh memberi manfaat kepada masyarakat khususnya bidang Pendidikan lantas dimulakan dengan program Kenali Muzium. Saya telah merancang dan membuat kertas kerja mengenai 1 Pelajar 1 Muzium agar muzium dapat dikenali oleh semua lapisan masyarakat bermula daripada peringkat sekolah rendah. Sekarang IPIM dikenali pula sebagai Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium.

IPIM sangat berkesan untuk kelangsungan masa hadapan muzium dan mendapat pengiktirafan secara tidak langsung daripada luar negara dan merupakan satu platform yang cukup kuat untuk memperlihatkan muzium dalam arus perdana melalui modul-modul yang telah disusun bagi membentuk satu generasi yang cakna mengunjungi muzium melalui program-program yang berstruktur dan terancang.

5. Siapakah tokoh yang banyak memberi inspirasi kepada tuan untuk terus bersemangat dalam industri permuziuman?

Secara peribadi bagi saya ialah Allahyarham Dato' Shahrum bin Yub. Beliau merupakan lejen di dalam bidang pemuziuman. Saya kagumi dengan pemikiran beliau sebagai seorang kurator yang berpengalaman luas.

6. Bolehkah tuan bercerita sedikit tentang pengalaman berkhidmat di bawah pentadbiran Allahyarham Dato' Shahrum?

Saya mengkagumi beliau sebagai seorang yang berpengetahuan luas, seorang yang humble dan juga seorang museologis yang berfikiran kreatif dan bombastik kerana berjaya melaksanakan program yang blockbuster seperti Pameran Hantu, Pameran Kecantikan Melalui Penderitaan dan pelbagai pameran lagi yang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat.

7. Tuan pernah mengetuai Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi, bolehkah tuan memberikan sedikit nasihat bagi menambahbaik peranan bahagian tersebut seperti menghasilkan penyelidikan yang berkualiti, jenis penerbitan yang boleh dipasarkan dan sebagainya.

Jabatan dan bahagian perlu memupuk sikap minat menulis di kalangan pegawai dan kakitangan JMM sendiri.

Bagi aspek penyelidikan, kakitangan yang terlibat perlu meneruskan penyelidikan mengikut tahap dan keterperincian kajian serta rangka kerja yang bersesuaian.

Jabatan pula perlu menetapkan bidang khusus yang tertentu berkaitan muzium sahaja kepada kakitangan yang ingin melanjutkan pelajaran secara Program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) agar tesis atau hasil kajian yang terhasil dapat memberi manfaat kepada jabatan.

8. Memandangakan tuan telah lama terlibat dengan aktiviti penerbitan. Apakah pandangan tuan tentang cara berkesan yang boleh dilaksanakan bagi menarik minat kakitangan untuk lebih kerap menulis?

Ketua Jabatan dan ketua bahagian perlu menetapkan pelbagai kaedah antaranya membuat penetapan SKT pegawai agar setiap pegawai mesti menghasilkan penulisan ilmiah berkaitan permuziuman.

9. Bolehkah tuan kongsikan penglibatan tuan di peringkat antarabangsa?

Saya pernah terlibat secara professional sebagai pembentang dan juga peserta menerusi Program *Young Leader on Herritage Management* di Jepun dan juga penyelidikan bersama dengan Pusat Penyelidikan Timur Perancis *(Ecole Francise Extreme Orient (EFEO)*.

10. Tuan boleh berbahasa Perancis, bolehkah kongsikan pengalaman bagaimana tuan boleh berbahasa Perancis dengan baik?

Bahasa Perancis agak sukar bagi saya tetapi memandangkan saya melanjutkan pelajaran di sana saya telah mengikuti kelas bahasa agar saya boleh bertutur dan membaca serta berkomunikasi bagi memudahkan kehidupan saya semasa belajar di sana. Ini merupakan satu pengalaman yang berharga buat saya.

11. Apakah anugerah / penghargaan / pencapaian tertinggi yang pernah diterima sepanjang perkhidmatan?

Pencapaian tertinggi bagi saya adalah kepuasan berkerja dan berkreatif yang dapat dimanfaatkan oleh kakitangan dan masyarakat amnya serta memartabatkan semula bidang permuziuman supaya setanding dengan agensi-agensi lain.

12. Apakah yang memberi inspirasi kepada tuan dalam menghasilkan lagu Muzium Kita Tamadun Kita?

Saya mendapat inspirasi dalam menghasilkan lagu ini semasa dalam bulan Ramadan. Saya terfikir bahawa dengan lagu boleh menyentuh jiwa mereka yang mendengar dan menyanyikannya. Disamping itu saya merangka untuk membuat *rebranding* atau penjenamaan semula muzium melalui lagu tersebut selari dengan bait-bait lirik lagu. Maka dengan itu tercipta dan seterusnya terhasil tajuk lagu "Muzium Kita Tamadun Kita" yang menjadi tagline muzium sekarang.

13. Sekiranya tuan bersara nanti, sudikah tuan menjadi sukarelawan untuk berkongsi pengalaman selepas bersara?

Insya-Allah sekiranya kesihatan mengizinkan dan khidmat saya masih diperlukan untuk memberikan dan menyumbangkan idea bagi membantu perkembangan muzium.

Penutup

Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih atas kesudian Encik Mohd Azmi menjayakan sesi wawancara khas ini.

Majlis Perasmian

Pameran Baju Kurung: Busana Sepanjang Zaman, Pameran Wabak Sedunia: Pandemik, Epidemik Dan Endemik, Pameran Kuasa Emas Serta Pelancaran Kalendar Acara Jabatan Muzium Malaysia Tahun 2021

Oleh: Yusri bin Ja'afar, Bahagian Komunikasi Korporat

Jabatan Muzium Malaysia tampil dengan pelbagai program dan pameran menarik yang bakal dilaksanakan pada tahun 2021. Aktiviti-aktiviti menarik sepanjang tahun turut dijadualkan berlangsung bersesuaian dengan terma dan syarat yang meliputi Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan oleh kerajaan, sepanjang penguatkuasaan PKPB mahupun PKPP.

Membuka lembaran acara tahun 2021 ialah Majlis Perasmian Pameran Baju Kurung: Busana Sepanjang Zaman, Pameran Wabak Sedunia: Pandemik, Epidemik dan Endemik, Pameran Kuasa Emas serta Pelancaran Kalendar Acara Jabatan Muzium Malaysia tahun 2021 telah berlangsung secara maya melalui pautan Facebook rasmi Jabatan Muzium Malaysia.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia pada 3 Mac 2021 jam 3.00 petang. Turut bersama dalam majlis ini ialah YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia. Majlis seumpama ini julung kalinya dilaksanakan tanpa persiapan dan perasmian secara fizikal berikutan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan yang melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Penggambaran telah berlangsung di Pejabat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur. Komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dan semua pihak merupakan satu kejayaan buat Jabatan Muzium Malaysia dalam melaksanakan perasmian dan pelancaran ini secara maya. Selain itu, sokongan padu oleh warga muzium seluruh Malaysia dan orang ramai yang menonton secara langsung amatlah dihargai dan ribuan terima kasih buat anda semua.

PROGRAM ATAS TALIAN RASMI JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Oleh: Norhaliza binti Harun, Bahagian Komunikasi Korporat

Program atas talian merupakan platform secara maya yang diaplikasikan oleh Jabatan Muzium Malaysia. Pelbagai pengisian dilakukan bagi menyampaikan informasi kepada masyarakat bersesuaian dengan konsep penggunaan media sosial secara optimum masa kini. Jabatan Muzium Malaysia mula menayangkan program Tanya Kurator pada peringkat awal Perintah Kawalan Pergerakan tahun 2020 disusuli dengan program Bicara Kurator, segmen Nak Tahu Tak? Bual Bicara dan lain-lain lagi.

Pada tahun 2021 ini Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) selaku teraju tunjang utama kepada hebahan dan promosi telah tampil dengan program terbaru atas talian iaitu Diari Muzium. Program ini akan memaparkan berkenaan koleksi pilihan menarik yang terdapat di muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia. Ianya akan dibahagikan kepada beberapa siri dan disiarkan melalui pautan Facebook rasmi Jabatan Muzium Malaysia pada hari Khamis, jam 12.00 tengah hari, setiap minggu kedua dan keempat setiap bulan.

Selain itu, hebahan lain turut menghiasi laman rasmi Facebook Jabatan Muzium Malaysia seperti promosi pameran terkini iaitu Pameran Kuasa Emas, Pameran Wabak Sedunia: Pandemik, Epidemik dan Endemik serta Pameran Kalendar Lunar Cina. Sebagai bahagian yang menyelaras promosi Jabatan, BKK turut berkongsi aktiviti permuziuman yang berlangsung di 20 buah muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia.

PROGRAM JERAYAWARA MAJLIS PELANCARAN SIRI 1:
KEMPEN KEMBALI KE MUZIUM DI MUZIUM PERAK

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Perak

Majlis Pelancaran Program Siri 1: "Kempen Kembali Ke Muzium" di Muzium Perak.

Program Jerayawara Kempen 'Kembali Ke Muzium" di Muzium Perak merupakan siri pertama sebaik sahaja ia dilancarkan oleh YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia pada 6 April 2021 di Jabatan Muzium Malaysia. Muzium Perak dipilih sebagai lokasi pertama Kempen "Kembali Ke Muzium" siri 1 amat signifikan dengan status muzium pertama negara yang menjadi perintis kepada perkembangan institusi permuziuman tanahair. Pada usia 138 tahun (1883-2021), Muzium Perak telah memainkan peranannya sebagai pusat penyelidikan dan pendidikan pelbagai bidang ilmu merentasi zaman kolonial sehinggalah era pasca merdeka.

Pelancaran Program Jerayawara Siri 1 Kempen Kembali Ke Muzium ini telah disempurnakan secara bersama oleh Yang Berusaha Encik Norazman Bin Othman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia dan juga Yang Berhormat Encik Ahmad Saidi Bin Mohamad Daud, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia Negeri Perak. Program tersebut telah berlangsung selama dua hari bermula pada 10 dan 11 April 2021. Pelbagai acara menarik telah diadakan seperti pameran, wacana Orang Asli, persembahan kebudayaan oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Semai iaitu kumpulan Luheiw Renaweij (bermaksud Lenggokan Buluh Perindu), jualan kraftangan, permainan tradisional iaitu kerchang, pertandingan mewarna dan demonstrasi menyumpit, menjerat, masakan dalam buluh dan sara diri.

Sebagai simbolik kepada pelancaran program ini, kedua-dua perasmi bersama dengan tetamu kehormat yang lain telah mengetuk buluh centong sebagai tanda perasmian. Buluh centong merupakan alat muzik dalam kategori *Indiophones* yang sering digunakan oleh masyarakat Semai dan Temiar dalam persembahan muzik sewang. Para jemputan turut dihiburkan oleh kumpulan kebudayaan masyarakat Orang Asli Negeri Perak dengan persembahan tarian sewang dan persembahan alat muzik seruling hidung, kerb dan zither. Program ini turut diserikan dengan majlis penyampaian sijil penghargaan kepada mereka yang telah menyumbang dokumen bahan sejarah, foto, foto digital, salinan enakmen terawal tahun 1939 dan koleksi pinjaman peribadi kepada Muzium Perak dalam menjayakan Pameran Orang Asli: Identiti & Tradisi.

Program Bicara@Muzium Wacana Orang Asli

Pertandingan Mewarna @ Muzium Perak

Lawatan para VIP ke gerai jualan dan pameran



Temuramah bersama pendemonstrasi seni kraf masyarakat Orang Asli

Penyampaian sijil kepada para penyumbang dokumen bahan sejarah dalam menjayakan Pameran Orang Asli: Identiti & Tradisi

Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Mewarna @ Muzium Perak

Program "LIVING MUSEUM DAY@MSKOA 2021"

Oleh: Asmawi bin Mohamed Yunos, Muzium Seni Kraf Orang Asli

Sebagai pembuka tirai bagi tahun 2021, Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA) telah meneruskan penganjuran Program *Living Museum Day@MSKOA 2021* setelah ditangguhkan sejak tahun 2020 kerana perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara bagi membendung penularan wabak COVID-19. Program ini telah dirancang dan dilaksanakan dengan pembudayaan norma baharu dan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan pihak berkuasa.

Program yang disenarai dalam Kalendar Acara Tahunan 2021, Jabatan Muzium Malaysia ini telah diadakan pada 27 & 28 Mac 2021 bermula jam 09.00 pagi hingga 5.00 petang, bertempat di dalam galeri dan perkarangan MSKOA. Seramai 18 orang daripada Suku Kaum Semai (Pahang) dan Mah Meri (Selangor) telah terlibat dalam menjayakan program selama dua hari ini.

Program ini juga telah berjaya menarik kehadiran para pengunjung ke Galeri MSKOA seramai 1, 752 orang sepanjang dua hari berlangsung. Para pengunjung yang hadir adalah terdiri daripada pelawat tempatan dan warga luar negara yang berada di Malaysia, pelajar sekolah rendah dan menengah, siswa dan siswi dari universiti tempatan, aktivis masyarakat, NGO Orang Asli, masyarakat Orang Asli itu sendiri dan warga jabatan.

Objektif utama Program *Living Museum Day@MSKOA* ini ialah untuk memberi pendedahan dan menyebarkan maklumat kepada masyarakat mengenai keunikan masyarakat Orang Asli dan warisan keseniannya. Selain itu, maklumat berkaitan masyarakat Orang Asli turut didokumentasikan untuk simpanan dan rujukan disamping mewujudkan jaringan kerjasama yang erat dengan pelbagai pihak terutamanya dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), para aktivis Orang Asli dan masyarakat Orang Asli itu sendiri.

Antara aktiviti-aktiviti yang diaturkan sepanjang program ini termasuklah demonstrasi permainan alatan muzik Orang Asli (Centong, Pensol, Getuk dan Gong), Ikon Program *Living Museum Day,* demonstrasi anyaman Bunga Moyang, demonstrasi anyaman mengkuang, demonstrasi pembuatan sumpit, demonstrasi ukiran topeng dan jualan kraftangan Orang Asli.

Semoga program ini dapat memberi nilai tambah kepada fungsi dan peranan muzium menerusi aktiviti dan sesi perkongsian ilmu yang telah dilangsungkan disamping usaha untuk menarik pengunjung supaya berkunjung ke muzium dan terus menjadikan muzium sentiasa dihati mereka sebagai gedung ilmu pengetahuan.

BICARA @MUZIUM

PERANAN DAN FUNGSI TAPAK 23, PENGKALAN BUJANG

Oleh: Faudzi bin Sulaiman & Syed Ridhuan bin Sayed Muhamed,
Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Buat pertama kalinya Muzium Arkeologi Lembah Bujang (MALB) menganjurkan program Bicara@Muzium secara langsung menerusi "*Facebook Live*" pada 22 Mac 2021. Tajuk yang diketengahkan dalam program ini adalah Peranan dan Fungsi Tapak 23, Pengkalan Bujang yang telah disampaikan oleh dua orang ahi panel iaitu Dr. Mohd Hasfarisham bin Abdul Halim, Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan En. Nor Azam bin Mat Noor, Ahli Arkeoastronomi juga penyelidik bebas.

Dr. Mohd Hasfarisham telah membicarakan tentang Fungsi dan Pentarikhan Tapak 23 Berdasarkan Data Survei, Pemetaan dan Persampelan Semula. Menurut beliau, Kompleks Percandian Pengkalan Bujang mempunyai enam tapak yang telah direkodkan dan diberi nama oleh Wales (1940) sebagai tapak 18, 19, 20, 21, 22 dan 23. Berdasarkan laporan Wales beberapa lanjutan kajian akademik dijalankan oleh Lamb (1961: 1965), Leong Sau Heng (1971), Nik Hassan Shuhaimi (1984), Allen (1988), Nik Hassan Shuhaimi dan Kamaruddin (1993), Hergoualc'h (1992) dan Zulkifli seperti mana dilaporkan oleh Rahmat (2006). Hasil penelitian sarjana berkenaan membolehkan tapak 18 dan 19 dicadangkan fungsinya sebagai candi Hindu manakala tapak 21 dan 22 sebagai candi Buddha. Tapak 23 pula dicadangkan sebagai candi Hindu dan masjid (Zulkifli Jaafar) berdasarkan rupa bentuk seni binanya.

Penyelidikan arkeologi khasnya di tapak 23 adalah bertujuan untuk menyelesaikan isu berkaitan fungsi dan pentarikhan tapak berkenaan. Kajian ini melibatkan aktiviti survei (penelitian laporan terdahulu, peta topografi dan peta geologi) dan pemetaan semula (kawasan, tapak, kontur dan dron) bagi meneliti potensi kawasan ini sebagai kawasan pedagangan utama disamping meneliti rupa bentuk seni bina monumen yang masih ada di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang.

Data primer yang diperolehi hasil survei dan pemetaan tersebut menjelaskan tapak 23 terletak di atas sebuah pematang kuno yang berhampiran dengan Sungai Bujang dengan kelimpahan aluvium (tanah liat) yang dijadikan bahan asas pembuatan bata. Rupa bentuk seni bina tapak 23 pula yang mendedahkan struktur pedestal (kekaki), lantai, dinding dan koridor serta orientasinya dibina terarah timur laut-barat daya dengan adanya temuan pecahan kaca lampu minyak dan kertas emas jelas mendedahkan ianya berfungsi sebagai sebuah candi Hindu. Pentarikhan semula tapak 23 telah mendedahkan ianya dibina sejak 1110 Masihi yang sekaligus memperlengkapkan data kompleks pelabuhan ini yang mempunyai bangunan ibadat agama Hindu (Tapak 19 dan 23) dan Buddha (Tapak 21 dan 22).

Kemudian En. Nor Azam pula membincangkan tentang Tapak 23 Pengkalan Bujang Sebagai Balai Cerap Purba Kedah Menurutnya monumen Tapak 23 dibina berdasarkan kedudukan arah terbit dan terbenam matahari pada masa-masa tertentu disepanjang tahun. Menurut hipotesis beliau monumen Tapak 23 Pengkalan Bujang menjurus kepada monumen astronomi purba atau Balai Cerap Purba bagi kepentingan pemerhatian bintang-bintang untuk perkelendaran Hindu pada zaman lampau.

Ini adalah berdasarkan pembuktian terbit dan terbenam cerekawala di Tapak 23 Pengkalan Bujang. Simulasi Starry Night Pro Plus 6.4.3. dapat memberikan jawapan yang sangat tepat mengenai penjajaran cerekawala dengan monumen Tapak 23. Oleh itu beliau merasakan fungsi utama pembinaan monumen Tapak 23 Pengkalan Bujang adalah sebagai Balai Cerap Purba untuk Kedah Tua.

Simulasi arah kedudukan matahari sebelum terbenamnya di celahan ruangan baratan Tapak 23 pada 22 Oktober 2014, jam 6:52 petang sejurus sebelum maghrib di hari Deepavali. Matahari ketika ini di azimuth 258°40'42.66". Justeru satu andaian dapat dibuat bahawa monumen Tapak 23 sebetulnya dibina berdasarkan kedudukan arah terbit dan terbenam matahari pada masa-masa tertentu di sepanjang tahun. Contohnya pada tahun 2014 iaitu di hari sambutan Deepavali kaum India, dapat disahkan bahawa matahari benar-benar berada di hala celahan ruangan baratan tapak.

Pandangan mata ikan *(fish-eye view)* keseluruhan Tapak 23 pada waktu malam menunjukkan bagaimana Bulan beredar pada satah ekliptiknya (garisan hijau). Had paling utara bagi ekliptik Bulan di sebelah Timur (E) adalah pada tepi lekukan 'pintu masuk' dan peredaran Bulan kemudiannya akan menuju ke bucu batu sabak di sebelah Barat (W). Kelihatan jaluran terang yang membelah langit malam iaitu apa yang dipanggil sebagai Galaksi Bima Sakti *(Milky Way)*. Demikian dapat disedari bagaimana orientasi timur-barat Tapak 23 dibina untuk menunjukkan kepakaran masyarakat India Pengkalan Bujang dalam bidang astronomi. Justeru rajah ini seakan-akan memperlihatkan suatu "pintu gerbang cakerawala" *(stargate)*.







12 Jan 2021 - **Kunjungan hormat dari PADAT ke JMM**

23 Feb 2021 - **Lawatan Pengarah dan Kakitangan JKKN Perlis ke Muzium Kota Kayang**

13 Mac 2021 - **KEMPEN STOP POLLUTION GO-LUTION**

21 Mac 2021
- LAWATAN RASMI PELAJAR ASWARA BAGI SIJIL PENGAJIAN WARISAN DI JMM

14 Mac 2021
- Temubual TKP(P) Selamat Pagi Malaysia di Wisma TV RTM

30 April 2021 -
Majlis Clock Out Persaraan Encik Rosaidee bin Mohamad

BICARA @MUZIUM

"PERANAN ORANG BUGIS DAN MINANGKABAU DI KEDAH & MERUNGKAI PENINGGALAN BATU NESAN ACEH DI KEDAH"

Oleh: Zamzarina binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah

Pada 06 April 2021, Muzium Kota Kuala kedah sekali lagi telah menganjurkan Program Bicara@Muzium dengan tajuk "Peranan Orang Bugis dan Minangkabau di Kedah & Merungkai Peninggalan Batu Nesan Aceh di Kedah". Program kali ini menampilkan dua orang panel iaitu YBrs. Dr. Ibrahim bin Bakar, Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kedah dengan tajuk "Peranan Orang Bugis dan Minangkabau di Kedah" bersama-sama YBrs. Ts Syamsul Anuar bin Ismail, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teknologi, Multimedia Dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia yang membentangkan tajuk "Merungkai Peninggalan Batu Nesan Aceh Di Kedah". Lebih 50 orang peserta yang hadir dalam program ini antaranya dari Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, Perpustakaan Negeri Kedah, Arkib Negeri Kedah, Muzium Negeri Kedah, Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri Kedah, Tourism Malaysia, Pejabat Kementerian Kebudayaan, Seni dan Budaya, Pusat Sains Negara dan pelajar Universiti Utara Malaysia. Program bicara ini telah dimoderatorkan Encik Azhar bin Mohamed Noor, Ketua Muzium Kota Kuala Kedah.

Objektif utama program bicara kali ini adalah untuk memberi penekanan mengenai peranan orang Bugis dan Minangkabau dalam bidang agama, ekonomi dan politik di Kedah selain cuba merungkai peninggalan Batu Nesan Aceh di Kedah. Menurut YBrs. Dr. Ibrahim, sejak dahulu negeri Kedah sentiasa membuka luas perhubungannya dengan dunia luar terutamanya berkenaan hal keilmuan dan perdagangan. Namun kedatangan pedagang Belanda yang mengamalkan dasar monopoli dalam perdagangan menjadikan keadaan tidak harmonis. Apabila berlaku sedikit pergolakan dalaman di negeri-negeri Melayu, mereka amat licik mengambil kesempatan untuk kepentingan mereka. Akibat pergolakan ini, perdagangan Kedah telah terganggu apabila Makassar telah ditawan oleh Belanda. Kedah telahpun menjalinkan hubungan yang erat dengan kerajaan Makassar iaitu Gowa dan Tallo semasa pertengahan abad ke-17, namun hubungan itu terganggu kerana pada masa yang sama Kompeni Belanda pula telah menawan Makassar dan menjadikan beberapa negeri kecil orang Bugis menjadi semakin kuat dan menyerlah pengaruhnya di kawasan Selat Melaka. Selain itu, berlaku pula penentangan orang Minangkabau terhadap kegiatan orang Bugis yang terus menjadikan keadaan di Selat Melaka bergolak. Tempias pergolakan ini pula telah menyebabkan perang saudara berlaku di Kedah dalam awal abad ke-18. Begitulah signifikannya orang Bugis dan Minangkabau dalam lipatan sejarah negeri Kedah hingga akhir abad ke-18.

Manakala YBrs. Ts Syamsul Anuar Bin Ismail pula telah merungkaikan beberapa penemuan penting tentang batu nisan Aceh di Kedah yang merangkumi struktur, tipologi, pembahagian batu nisan mengikut kurun, taburannya, penemuan penting dan cadangan tipologi baru. Program bicara ini juga telah disiarkan secara langsung melalui laman Facebook Muzium Kota Kuala Kedah dan meraih tontonan sebanyak 1,300 penonton. Semoga program bicara ini akan mendorong masyarakat tempatan untuk terus menjadikan muzium sebagai gedung bagi menimba dan berkongsi ilmu pengetahuan terutamanya tentang sejarah dan warisan.

BICARA @MUZIUM

Wacana ORANG ASLI

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Perak

Ucapan aluan oleh YBhg Datuk Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia.

Sesi bergambar kenangan bersama ahli panel dan peserta Wacana Orang Asli.

Majlis penyampaian cenderati kepada ahli panel oleh YBhg Datuk Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia.

Bersempena dengan Pameran Orang Asli 'Identiti dan Tradisi' yang berlangsung pada 20 Oktober 2020 hingga 30 Jun 2021, Muzium Perak telah menganjurkan Program Bicara@Muzium: Wacana Orang Asli yang memfokus kepada topik berkaitan masyarakat Orang Asli. Selain secara bersemuka, program ini turut disiarkan secara atas talian menerusi *Facebook live* Jabatan Muzium Malaysia dan *Zoom Webinar*. Moderator program iaitu Puan Zarinah binti Sarifan, Pengarah Muzium Perak telah mengantarakan sesi bersama dua orang ahli panel iaitu Dr. Hamid bin Mohd Isa, Ahli Arkeologi dan Antropologi yang membicarakan tajuk Orang Asli Dari Perspektif Arkeologi bersama Profesor Dr. Juli Edo, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang membicarakan tajuk Orang Asli Dalam Dimensi Baharu.

Program yang telah berlangsung dengan jayanya pada 10 April 2021 di Muzium Perak ini telah disempurnakan dengan ucapan alu-aluan oleh YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia. Turut hadir YBrs. Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman dan beberapa wakil agensi Kerajaan, aktivis dan NGO, penggiat budaya serta orang perseorangan yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli.

Sesi bicara dimulakan oleh Dr. Hamid bin Mohd Isa yang telah mengupas tentang peranan dan sumbangan Muzium Perak sebagai institusi terawal dan pusat penyelidikan mengenai Orang Asli semenjak tahun 1883 melalui penglibatan kurator dan ahli etnografi British. Menurutnya para pengkaji dan penyelidikan pada zaman ini menggunakan kaedah penyelidikan yang sistematik dan mengemukakan laporan yang banyak diterbitkan di dalam jurnal-jurnal antarabangsa. Muzium Perak turut memberi sumbangan melalui pewujudan jawatan kurator, *Field Ethnographer* dan '*Protector of Aborigines* sehingga institusi permuziuman berkembang pesat dan Jabatan yang khusus mengenai Orang Asli ditubuhkan. Berdasarkan data-data arkeologi, antropologi dan sejarah dari kajian-kajian terdahulu, bicara ini juga telah mengupas budaya Orang Asli yang dikaitkan dengan kesinambungan daripada masyarakat prasejarah seperti memburu, meramu, corak adaptasi gua, gunung, sungai, tasik, struktur sosial, kepercayaan anamisme, serta budaya material yang mempunyai perbandingan budaya dan perbandingan teknologi.

Manakala Prof. Dr. Juli Edo pula telah mengupas tentang permasalahan yang sedang dialami masyarakat Orang Asli. Beliau turut menjelaskan tentang pelbagai istilah yang merujuk kepada Orang Asli seperti Sakai, Pagan Racas, Orang Darat, Orang Dalam dan Saudara Lama. Melalui bicara ini, peranan JAKOA dalam pengurusan, pembangunan, pemerkasaan dan pencapaian Orang Asli telah dibentangkan agar masyarakat ini dapat berdiri setanding dengan masyarakat lain.

Melalui program ini, diharapkan agar jalinan kerjasama antara muzium dan semua pihak yang terlibat dengan komuniti Orang Asli akan dapat diperkukuhkan selain mendapat manfaat daripada perkongsian ilmu dan kepakaran oleh tokoh akademik, aktivis dan pengkaji sejarah yang terlibat. Semoga Program Bicara@Muzium ini akan dapat membudayakan masyarakat untuk terus menghargai dan menjadikan muzium sebagai gedung ilmu pengetahuan.

Program Bicara Sejarah Perlis Siri 1 : MEMASYARAKATKAN SEJARAH

Oleh: Nurul Azlida binti Ghozali, Penolong Kurator Muzium Kota Kayang

Bicara Sejarah Perlis Siri 1 dengan tema Memasyarakatkan Sejarah telah diadakan pada 11 April 2021 di Muzium Kota Kayang. Program anjuran bersama Persatuan Sejarah Negeri Perlis dan Muzium Kota Kayang telah menampilkan dua orang ahli panel iaitu Dr. Roslan bin Chin, Universiti Sains Malaysia (USM) dengan tajuk Aceh di Perlis Satu Tinjauan Awal, manakala Encik Mohammad Aiman bin Abdullah, Gerila Sejarah Perlis (GSP) pula membicarakan tajuk Warisan Matawang Kesultanan Kedah Berdasarkan Temuan Awal di Perlis.

Kedua-dua ahli panel menyentuh tentang jenis dan kategori Batu Acheh di Perlis serta lokasi terbaharu penemuan makam-makam Acheh. Selain itu, perkara berkaitan jenis dan bentuk matawang pada zaman Kesultanan Kedah termasuk pada zaman Kerajaan Srivijaya yang dijumpai di Perlis turut dibicarakan.

Seramai 30 perserta terdiri dari ahli Persatuan Sejarah Negeri Perlis dan kakitangan Muzium Kota Kayang terlibat dalam program. Turut dipamerkan juga jenis matawang yang dijumpai di Perlis untuk menambahkan pengetahuan dan tatapan peserta. Program berakhir dengan sesi soal jawab di antara peserta dan panel serta penyampaian cenderamata kepada penceramah yang terlibat.

Adalah diharapkan agar program yang dianjurkan ini dapat memberi ilmu pengetahuan kepada para peserta mengenai bahan-bahan bersejarah yang ada di negeri Perlis, selain meningkatkan kesedaran untuk menghargai dan seterusnya mengekalkan warisan sejarah tersebut supaya dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

BICARA KURATOR SIRI 1:

PEMILIHAN DAN PELANTIKAN YANG DI-PERTUAN AGONG; DI SEBALIK KOLEKSI TERPILIH PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

Oleh: Juliyana binti Othman, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Program Bicara Kurator membuka tirai tahun 2021 untuk meneruskan perkongsian hasil penyelidikan, kepakaran dan pengalaman berkaitan sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium Malaysia dengan pembentangan siri pertama pada 7 April 2021 oleh Puan Salmiahwati binti Djafar, Kurator Muzium Tekstil Negara. Beliau telah membicarakan tajuk Pemilihan dan Pelantikan yang Di-Pertuan Agong: Di Sebalik Koleksi Terpilih Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dan telah dimoderatorkan oleh saudara Syahrizul Amin bin Ahmad, Penolong Kurator, Muzium Diraja.

Umum mengetahui bahawa sistem pemerintahan beraja yang telah lama bertapak di negara kita adalah merupakan warisan daripada pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka seterusnya berkesinambungan dengan negeri-negeri beraja lain. Namun setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, bemulanya konsep Raja Berperlembagaan dan Yang di-Pertuan Agong dipilih sebagai Ketua Utama Negara seperti yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong mempunyai dua kitaran iaitu pada permulaan pelantikan berdasarkan susunan kekananan raja-raja yang terdiri daripada 9 buah negeri iaitu Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Perak. Susunan kekananan ini adalah berdasarkan tempoh Sultan atau Raja menaiki takhta di negeri pemerintahan baginda. Sistem penggiliran Yang di-Pertuan Agong kini telah melalui kitaran yang kedua iaitu senarai mengikut susunan kitaran yang pertama dan sehingga kini.

Ciri-ciri kelayakan Yang di-Pertuan Agong setelah sampai gilirannya ialah Raja berhasrat untuk dipilih, pemilihan dan pengundian hanya dalam kalangan 9 orang Raja sahaja serta mendapat majoriti 5 undi, manakala ciri-ciri yang tidak melayakkan untuk dipilih pula ialah belum dewasa, Raja tidak berhasrat untuk dipilih, undi sulit (tidak sesuai menjalankan fungsi YDPA kerana kelemahan akal atau tubuh atau sebab-sebab lain) dan sekurang-kurangnya 5 undi menolak. Tempoh penggiliran Yang di-Pertuan Agong adalah setiap lima tahun sekali dan perlu diputuskan melalui pemilihan dan pengundian dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu.



Melalui program bicara kurator siri pertama ini, diharapkan para peserta dapat menimba ilmu pengetahuan mengenai sistem raja demokrasi di negara kita kerana keunikan institusi Yang di-Pertuan Agong yang merupakan satu-satunya sistem seumpamanya di dunia serta berbeza berbanding sistem beraja yang diamalkan oleh negara lain.

BICARA KURATOR SIRI 2:

Aktiviti Strategik Bagi Muzium

DI ERA SAINS, TEKNOLOGI DAN GLOBALISASI, KAJIAN KES MUZIUM BIO PERUBATAN, INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN, KUALA LUMPUR

Oleh: Roseanida binti Abdul Kadir, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Program Bicara Kurator merupakan satu platform perkongsian ilmu dan maklumat bersama warga Jabatan Muzium Malaysia. Seperti siri yang pertama, Program Bicara Kurator siri 2/2021 turut dijalankan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi *zoom meeting* selaras dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Bicara Kurator secara *online* ini telah disertai oleh kakitangan di ibu pejabat dan di muzium-muzium wilayah. Melalui program *online* ini juga para peserta boleh berinteraksi dan bertanya soalan terus kepada pembentang di ruangan perbualan.

Bicara Kurator kali ini telah disampaikan oleh Puan Noraini binti Osman, Pembantu Muzium, Unit Dasar dan Perancangan Strategik manakala moderator ialah Cik Norizan binti Baharudin, Penolong Kurator, Bahagian Komunikasi Korporat. Pembentang telah membicarakan secara ringkas mengenai Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), latar belakang dan aktiviti strategik yang pernah dilaksanakan oleh Muzium Bioperubatan. Menurutnya, IMR merupakan organisasi penyelidikan bioperubatan tertua di Malaysia yang dicadangkan penubuhannya oleh Sir Frank Swettenham, Residen General Negeri Negeri Melayu Bersekutu. Fungsinya adalah meliputi bidang penyelidikan, perkhidmatan dianostik, kursus dan latihan serta perkhidmatan perundingan berkaitan bidang bioperubatan. Selain itu, IMR turut memiliki sebuah Muzium Bioperubatan yang terletak di salah sebuah bangunan warisan yang dibina pada tahun 1928, lengkap dengan pelbagai koleksi spesimen, artifak, bahan bercetak serta bahan lain yang berkaitan dengan penyelidikan perubatan dan kesihatan.

Muzium tersebut mempunyai enam buah galeri iaitu Balai sejarah, Galeri Spesies Terancam, Galeri Perubatan dan Rawatan Tradisional Melayu, Galeri Dr Wu Lien-Teh dan Galeri Ular. Muzium Bioperubatan dilengkapi dengan empat repositori (repositori spesimen kering, repositori spesimen basah, repositori artifak dan repositori bahan bercetak) serta bengkel dan makmal.

Antara aktiviti strategik yang dilaksanakan oleh Muzium Bioperubatan adalah seperti program *outreach* bersama Aquaria KLCC menerusi pameran dan pinjaman spesimen di sana. Selain itu, Muzium Bioperubatan turut bekerjasama dengan Urban Biodiversity Initiative (UBI) dalam pengembangan modul pendidikan bertemakan bioperubatan bagi memastikan proses pembelajaran yang optimum. Terdapat tiga modul iaitu mengenali herba-herba perubatan yang terdapat di Malaysia, meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar tentang ular dan *Entomology role play*, serta mendedahkan informasi berkenaan penyakit-penyakit bawaan vektor seperti denggi dan malaria.

Muzium Bioperubatan juga telah menghasilkan video pendidikan yang memperkenalkan pelbagai spesies ular di Malaysia, langkah keselamatan yang perlu dilakukan apabila dekat dengan ular dan pertolongan pertama selepas digigit ular serta racun ular pada fisiologi manusia. Muzium Bioperubatan juga turut bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi tujuan penulisan Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) untuk kegunaan tahun 2021.

Pihak Pusat Biodiversiti Kebangsaan (NBC) pula melibatkan Muzium Bioperubatan dalam pembangunan pangkalan data spesimen biodiversiti (flora dan fauna) yang terdapat di Malaysia. Kakitangan juga turut terlibat dalam penyelidikan ini termasuk kajian deskriptif mengenai peristiwa bersejarah IMR, kajian tentang morfologi dan distribusi spatio-temporal pelbagai mamalia, bibliometrik dan kajian sainometrik mengenai hasil penyelidikan spesimen milik institusi.

Program Bicara Kurator pada kali ini ada sedikit kelainan kerana diselitkan dengan slot *review* buku terbitan Jabatan Muzium Malaysia. Tajuk buku yang diketengahkan ialah "Sejarah Lukut: Kegemilangan Sebuah Pemerintahan Melayu Abad Ke-19" yang telah disampaikan oleh Encik Fandy Izuan bin Johari dari Unit Perpustakaan. Secara keseluruhannya Bicara Kurator Siri ke 2 ini dapat memberi pengetahuan kepada semua peserta tentang Muzium Bioperubatan serta fungsi dan peranannya. Semoga program ilmiah ini terus memberi manfaat dan akan diteruskan lagi pada masa akan datang.

PROGRAM RIADAH
MAHABBAH JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS

Oleh: Nurul Azlida binti Ghozali, Muzium Kota Kayang

Program Riadah Mahabbah Jabatan Mufti Negeri Perlis telah diadakan pada 26 Mac 2021 di Muzium Kota Kayang. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menjalinkan kerjasama dan mengeratkan hubungan silaturahim antara kakitangan Jabatan Mufti Perlis dan Muzium Kota Kayang melalui aktiviti yang dianjurkan. Seramai 30 orang kakitangan Jabatan Mufti Perlis dan Muzium Kota Kayang terlibat dengan pelbagai aktiviti yang telah diaturkan seperti jelajah gua dan Bukit Kota Kayang serta lawatan keilmuan di galeri muzium. Program ini diserikan dengan kunjungan oleh Mufti Negeri Perlis S.S Prof. Madya Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri Zainul Abidin. Adalah diharapkan semoga program seperti ini dapat meningkatkan hubungan kerjasama antara Muzium Kota Kayang dengan agensi-agensi yang terdapat di negeri Perlis selain turut mempromosikan Muzium Kota Kayang sebagai salah satu lokasi riadah dan rekreasi yang menarik untuk dilawati di Perlis.

Program Atas Talian
SYOKNYA MUZIUM DAN SEJARAH 2021
"KENALI DUNIA KONSERVASI"

Oleh: Zainon Halon, Muzium Chimney

Program atas talian telah menjadi platform utama untuk menyampaikan pelbagai maklumat ketika dunia dilanda penularan wabak COVID-19. Peningkatan jumlah kes jangkitan setiap hari menyebabkan penganjuran program-program secara atas talian ini menjadi keperluan bagi merealisasikan misi dan visi sesebuah pertubuhan, institusi atau jabatan. Institusi permuziuman negara turut terkesan berikutan penutupan muzium kepada umum seterusnya melalui fasa norma baharu dengan pematuhan SOP yang menghadkan jumlah pengunjung ke muzium.

Justeru bagi menyebarluaskan pelbagai maklumat permuziuman kepada masyarakat, Muzium Chimney telah melaksanakan Program Atas Talian Syoknya Muzium Dan Sejarah "Kenali Dunia Konservasi" yang berlangsung selama sembilan hari bermula pada 3 April 2021. Objektif utama program ini adalah untuk menarik minat golongan muda terhadap kepentingan sejarah serta bidang permuziuman selain memberikan nilai tambah dalam kaedah pembelajaran di sekolah. Program yang mengaplikasikan modul Program Inspirasi Pelajar, Inovasi Muzium (IPIM) ini merupakan kesinambungan Program Syoknya Muzium Dan Sejarah tahun 2019.

Program kali ini yang bertemakan "Kenali Dunia Konservasi" adalah dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Konservasi, Unit Teknologi Maklumat, Jabatan Pendidikan Negeri serta guru-guru panitia sejarah beberapa sekolah menengah di sekitar Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 126 orang pelajar dan 22 orang guru pembimbing telah menyertai program ini. Antara pengisian utama program adalah Taklimat Konservasi yang disampaikan oleh Encik Muhamad Faiz Bin Azizan, Kurator Bahagian Pengurusan Konservasi dan Kuiz Kenali Dunia Konservasi live @ *Facebook* rasmi *Chimney Museum*. Selain itu, para peserta telah diberikan tugasan Projek Mini Dan Video Restorasi Artifak Seramik secara berkumpulan sebagai aktiviti pengukuhan serta pendedahan asas konservasi. Tugasan ini telah diberikan tempoh bermula pada 03 hingga 11 April 2021 untuk disiapkan dan dihantar ke Muzium Chimney untuk penilaian. Kumpulan SMKLJ 1 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Lajau telah dinobatkan sebagai juara, diikuti Kumpulan Thinkers dan Owa' Owai dari Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai masing-masing di tempat kedua dan ketiga. Manakala Sekolah Menengah Kebangsaan Lajau dinobatkan sebagai Sekolah Terbaik Keseluruhan. Majlis penyampaian hadiah dan sijil penyertaan telah diadakan oleh pihak muzium di sekolah-sekolah yang terlibat pada 22 April 2021.

Program ini dilihat mampu menjadi medium yang dapat membantu para pelajar menguasai topik-topik tertentu dalam matapelajaran sejarah yang dipelajari di sekolah. Pelajar akan lebih memahami apabila dapat berinteraksi dan melihat artifak sebenar sebagai bukti sejarah serta terlibat dengan bahan-bahan pendidikan di muzium. Mereka turut mendapat pendedahan tentang bidang kepakaran muzium khususnya melalui kerja-kerja konservasi dan penjagaan koleksi artifak bersejarah selain memupuk rasa sayang peserta terhadap khazanah warisan negara.

Program Kejohanan Silat Berkeris Kebangsaan SECARA ATAS TALIAN

Oleh: Juhazniza Binti Musa, Muzium Etnologi Dunia Melayu

Seni mempertahankan diri silat telah berjaya disenaraikan di bawah kategori *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) dengan kerjasama Pertubuhan Keris Semenanjung (KERIS) telah mengadakan Kejohanan Silat Berkeris secara atas talian (*online*) pada 1 hingga 7 Februari 2021. Para peserta perlu mengemukakan video berdurasi 2 minit perlu memaparkan aksi gerak tanpa senjata dan gerak bersenjata. Ternyata sambutan daripada pelajar sekolah rendah, menengah dan golongan dewasa amat menggalakkan apabila pihak MEDM telah menerima sebanyak 227 penyertaan yang terdiri daripada peserta tempatan serta dari luar negara iaitu Indonesia dan Belanda. Seramai 9 orang pemenang telah dipilih hasil daripada 7 orang penjurian yang telah menilai dalam pelbagai sudut seperti bunga, ketangkasan, keaslian, gaya, muzik latar dan suasana persekitaran. Para pemenang adalah terdiri daripada;

JUARA

Kategori: Pendekar
Jusnizan Bin Ramli
Persatuan Seni Gayung Tari Angin, Perak.

Kategori: Tunggal Dewasa
Mohamad Akbar Bin Suhaimy
PSSGM, Kompleks Penjara Sungai Buloh

Kategori: Berpasangan Dewasa
Muhamaad Najib Bin Mohd Amin dan
Nafiqah Binti Abdul Mahat
Pertubuhan Seni Silat Selendang Merah
Ibu Pertiwi Malaysia

Kategori: Tunggal Remaja
Muhammad Khaalid Bin Abdullah Shahaimi
Pertubuhan Seni Pencak Silat Sangkat
Rewana, Pahang

Kategori: Berpasangan Remaja
Muhammad Najib Bin Azli dan Muhammad
Haiqal Bin Abibadrom
Silat Lincah Sungai Salak

Kategori: Tunggal Kanak-Kanak
Nur Haizatul Farhanis Binti Norashid
Silat Gayong Maarifat, Pahang

Kategori: Berpasangan Kanak-Kanak
Muhammad Adib Haziq Bin Abdullah
Muhammad Hafizul Khairulnizam Bin Abdul Hakim
Mohd Amir Israq Bin Mohd Huzaimi
Muhammad Arish Danial Bin Abdul Razak
Silat Lincah Sungai Salak

Program ini ternyata memberi pelbagai faedah kepada jabatan terutamanya dalam usaha jaringan kerjasama serta mengeratkan lagi hubungan yang sedia ada dengan pertubuhan kebudayaan yang terdapat di Malaysia. Sejarah ilmu persilatan Melayu sememangnya panjang dan kaya dengan pelbagai gaya, bentuk dan tekniknya. Selain menjadi yang menjadi identiti dan warisan masyarakat Melayu yang perlu dilestarikan supaya kelak tidak pupus dan hanya dikenali melalui tulisan dan gambar sahaja.

SENJATA LAMA ATM (MAGAZIN DRAM): RAWATAN KONSERVASI

Oleh: Nursyahir Hanif bin Khirunzian, Bahagian Pengurusan Konservasi

Type 89 Dual Flexible Machine Gun (sumber dari Wikipedia)

Bahagian Pengurusan Konservasi (BPK) adalah berperanan untuk memastikan semua koleksi artifak Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sentiasa dalam keadaan baik dan bebas daripada sebarang ancaman kerosakan. Kakitangan BPK akan membuat pemantauan berkala selain melakukan kerja-kerja baikpulih, pembersihan dan rawatan artifak-artifak yang dipamerkan di galeri muzium mahupun yang disimpan di dalam Repositori Koleksi JMM. Kesemua jenis artifak sama ada artifak arkeologi, etnologi ataupun spesimen perlu melalui proses konservasi untuk mengekalkan keadaannya seperti yang asal. Sekiranya tidak dilaksanakan proses konservasi dan rawatan, berkemungkinan artifak-artifak tersebut berisiko tinggi untuk rosak dan musnah kerana faktor usianya yang lama.

Ekoran daripada jumpaan sebilangan senjata lama yang tertanam sedalam tiga kaki oleh kontraktor binaan di Gombak, Selangor telah menemukan beberapa unit senjata lama dipercayai yang digunakan semasa zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1941-1945). Setelah pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengesahkan bahawa senjata tersebut milik Tentera Jepun, mereka kemudiannya menjalankan kerja ekskavasi di kawasan tersebut dan telah menjumpai lebih 3,000 laras senapang.

Kebanyakan senjata yang ditemui itu mempunyai kesan-kesan kerosakan, bengkok, patah dan ada juga bahagian senjata yang hilang. Berkemungkinan senjata-senjata tersebut telah sengaja dirosakkan oleh Tentera Jepun sebelum ditanam supaya tidak boleh dipakai oleh sesiapa yang menemuinya. Pihak ATM telah menyerahkan sebanyak 18 laras senapang daripada jumpaan tersebut kepada pihak BPK untuk dilakukan proses rawatan dan konservasi. Antara model senapang yang terlibat adalah jenis *Type 38 Rifle*, *Type 89 Machine Gun, Type 11 Light Machine Gun, Type 92 Heavy Machine Gun* dan sebagainya.

Artifak di bawah ialah sebuah Magazin Dram yang merupakan magazin untuk *Type 89 Dual Flexible Machine Gun*. Magazin tersebut berfungsi sebagai alat menyimpan dan menyuap peluru yang dipasangkan pada mesingan tersebut.

Magazin *Dram* yang dihantar oleh pihak ATM

Artifak diselaputi tanah dan karat

Kesan tanah dikikis dengan menggunakan *Surgical Blade*

Penggunaan *Mini Rotary Driller* untuk menanggalkan tanah dan karat yang nipis

Berikut adalah merupakan proses-proses kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan BPK terhadap koleksi senjata tersebut:

1) Penilaian kondisi:

Proses Penilaian Kondisi bertujuan untuk mengenalpasti jenis bahan artifak, ukuran dan saiz artifak serta tahap kerosakannya. Artifak akan dinilai secara terperinci daripada pelbagai sudut, luaran dan dalaman. Perkara penting yang diambil kira dalam menilai sesebuah artifak adalah jenis bahan artifak, keadaan struktur dan permukaan artifak tersebut.

Setelah selesai proses penilaian kondisi, didapati artifak Magazin Dram tersebut diperbuat daripada besi. Berdasarkan maklumat jenis bahan tersebut, konservator dapat menyediakan peralatan dan bahan yang sesuai untuk proses konservasi seterusnya. Antara kerosakan yang dialami oleh artifak tersebut adalah sebahagian strukturnya telah hilang, kesan bengkok pada artifak, diselaputi tanah dan keseluruhan permukaan artifak didapati berkarat.

2) Proses konservasi:

Berikut adalah proses konservasi yang perlu dijalankan ke atas artifak serta penerangan mengenai kaedah dan cara konservasi yang perlu diteliti oleh konservator.

Proses konservasi dimulakan dengan menanggalkan kesan tanah yang terdapat pada keseluruhan artifak dengan menggunakan Surgical Blade. Kesan tanah yang besar dan jelas perlu dikikis terlebih dahulu untuk memudahkan kerja-kerja melicinkan permukaan artifak. Gandin kayu atau gandin getah digunakan untuk mempercepatkan proses menanggalkan bahagian tanah yang keras. Proses ini dilakukan berterusan pada setiap permukaan artifak dan bahagian yang boleh dicapai dengan Surgical Blade tersebut.

Setelah kesan tanah yang besar dibuang, sisa tanah yang telah nipis beserta karat pada permukaan artifak perlu dilicinkan dengan menggunakan Mini Rotary Driller. Proses ini dilakukan di meja kerja khas yang mempunyai lampu, soket elektrik dan mesin penyedut debu tersendiri untuk menghindarkan debu-debu tanah dan karat yang halus daripada berterbangan di dalam bengkel.

Seterusnya, untuk lebih menghaluskan lagi permukaan artifak tersebut, penggunaan kertas pasir pelbagai gred diperlukan untuk memastikan habuk karat yang masih melekat pada permukaan artifak dapat ditanggalkan. Bagi proses terakhir, Micro-Crystalline Wax Polish disapu dengan menggunakan berus lukisan pada keseluruhan artifak sebagai kemasan akhir bertujuan untuk merencatkan proses pengaratan selain untuk mengelakkan debu halus kembali melekat pada permukaan artifak.

Micro-Crystalline Wax Polish disapu menggunakan berus lukisan untuk melindungi permukaan artifak

Hasil akhir setelah artifak selesai disapu *wax*

KURSUS PENYELIDIKAN "KAJIAN DAN TINJAUAN LITERATUR SEBELUM KERJA LAPANGAN"

Oleh: Maisaraf binti Marman, Bahagaian Penyelidikan dan Dokumentasi

Pada tahun 2021, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi membuka layar perkongsian ilmu melalui kursus penyelidikan bertajuk Kajian dan Tinjauan Literatur Sebelum Kerja Lapangan. Penceramah bagi kursus ini ialah Prof. Madya Dr. Norfadilah Binti Kamaruddin. Beliau merupakan pensyarah di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. Beliau juga pernah menjalankan sabatikal di Jabatan Muzium Malaysia pada tahun 2019.

Kursus kajian dan tinjauan literatur sebelum kerja lapangan ini adalah bertujuan:

- Untuk melatih penyelidik membuat tinjauan literatur dahulu sebelum membuat kerja di lapangan.
- Untuk memahami cara dan kaedah menulis literatur
- Untuk memberi pemahaman kaedah mengenalpasti maklumat yang tepat bagi setiap kajian yang dibuat.

Selain itu, ia bersesuaian dengan isu semasa iaitu penularan COVID-19 bahawa penyelidikan masih lagi boleh dilaksanakan walaupun tidak turun ke lapangan. Masih ada cara untuk menjalankan kajian iaitu kajian tinjauan literatur.

Kursus ini telah berjaya dijalankan secara atas talian dengan menggunakan *Zoom Meeting* memandangkan kes pandemik COVID-19 yang masih belum pulih. Kursus ini telah disertai oleh 20 orang peserta dari Jabatan Muzium Malaysia yang melibatkan kakitangan ibu pejabat dan wilayah. Ia dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi ceramah dan tugasan individu.

Kursus dimulakan dengan sesi pengenalan kepada penyelidikan (Topik 1) yang memberi pendedahan tentang pengetahuan asas mengenai penyelidikan merangkumi memahami maksud dasar penyelidikan, kepentingan membuat penyelidikan dan contoh-contoh penyelidikan.

Manakala Topik 2 pula adalah mengenai jenis dan bentuk penyelidikan yang sesuai digunapakai oleh peserta kursus meliputi pelbagai sudut. Topik ini mendedahkan peserta dengan ciri-ciri setiap jenis dan bentuk penyelidikan yang boleh dijalankan beserta contoh.

Topik terakhir (Topik 3) adalah tentang kepentingan kajian literatur dan langkah-langkah sebelum kerja lapangan dijalankan. Ia merangkumi maksud kajian literatur, fungsinya dalam penyelidikan, kaedah kajian literatur dan kaedah penulisan hasil kajian literatur.

Pada sesi akhir, para peserta diberi tugasan individu bagi memahirkan diri dalam membuat tinjauan literatur serta kemahiran menulis dari hasil dapatan tinjauan literatur. Peserta perlu membuat tajuk penyelidikan, abstrak, petikan literatur beserta rumusan dan rujukan dari buku yang dibuat yang mengandungi petikan literatur yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Setelah itu, satu sesi *review* semakan tugasan telah dibuat pada 5hb Mei 2021 melalui atas talian aplikasi *Zoom Meeting* bersama semua peserta bagi menambahkan pemahaman yang lebih jelas berkenaan tinjauan literatur penyelidikan. Hasil *review* tersebut, penceramah telah memberikan contoh-contoh yang boleh dijadikan panduan rujukan tinjauan literatur dan juga contoh-contoh yang perlu ditambahbaik atau elakkan daripada melakukan kesalahan menulis literatur kajian.

Tiga topik utama kursus penyelidikan ini merangkumi:

- Pengenalan kepada penyelidikan
- Jenis Penyelidikan
- Kepentingan Tinjauan Literatur dan Langkah-Langkah Sebelum Kerja Lapangan.



Dalam sesi *review* berkenaan, penceramah juga berkongsi tentang tips menulis Abstrak. Menurutnya abstrak perlu ditulis dalam satu perenggan sahaja dengan 50 hingga 350 patah perkataan selain perlu mengandungi ringkasan pengenalan penyelidikan yang dibuat, objektif, metodologi, hasil dapatan dan signifikan penyelidikan tersebut.

Secara keseluruhannya, peserta-peserta telah dapat menguasai 80% pemahaman cara-cara membuat tinjauan literatur. Namun, disyorkan agar kursus lanjutan seperti cara-cara dan teknik mengolah penulisan dari hasil dapatan kajian tinjauan literatur perlu diteruskan bagi memantapkan lagi kemahiran kakitangan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dalam membudayakan penulisan yang lebih berkualiti selaras dengan hasrat jabatan untuk menggalakkan kakitangan JMM untuk menghasilkan penerbitan melalui jurnal, perkongsian ilmu dan pembentangan kertas kerja yang berkualiti.

PENDOKUMENTASIAN BATU BATA INGGERIS PEMBINAAN MENARA CHIMNEY LABUAN



Oleh: Zainon Halon, Muzium Chimney

Menara Chimney yang telah berusia lebih 100 tahun dipercayai telah dibina pada sekitar penghujung tahun 1890 atau awal 1900 iaitu ketika era kepesatan perlombongan arang batu di Labuan. Menara setinggi 32.5 meter ini telah dibina dengan menggunakan ribuan batu bata tidak dilepa bercorak Inggeris dengan anggaran 23,000 batu bata bagi restorasi lapisan permukaan sahaja. Tapak dasar Chimney dibina di atas tanah kaolin dengan kedalaman kira-kira satu meter. Binaan ini dianggap sungguh mengkagumkan kerana dibina tanpa menggunakan sebarang cerucuk seperti kaedah pembinaan hari ini tetapi hanya diperkukuhkan dengan ikatan rel-rel besi pada dindingnya. Melalui pengamatan ke atas struktur fizikal Menara Chimney, didapati terdapat dua struktur gerbang melengkung setinggi 2.2meter masing-masing menghadap ke arah Barat dan Selatan. Jika merujuk pula kepada rekabentuk serta fungsi sebenar Chimney, lazimnya gerbang yang terletak di bahagian bawah adalah berfungsi bagi menghubungkan ruang udara di dalam Chimney dengan dapur-dapur atau ruang pembakaran. Namun demikian, struktur fizikal Menara Chimney Labuan tidak ditemukan sebarang struktur sambungan dapur atau ruang pambakaran. Oleh yang demikian, kedua-gua gerbang ini dianggap berfungsi sebagai pemecah angin yang dapat melindungi bahagian tapak Chimney daripada tiupan angin kuat kerana kedudukannya di kawasan yang tinggi serta berhampiran dengan laut. Struktur-struktur gerbang melengkung dan beberapa rel besi yang dipasang pada bahagian dinding menara telah menambahkan lagi nilai seni dan estetika serta keunikan pada binaan monumen ini.

Hasil kerja-kerja konservasi ke atas menara Chimney yang bermula pada tahun 1997 hingga 1999 telah mendapati sebahagian besar batu batanya berasal daripada 3 syarikat pengeluar terbesar yang berpusat di Scotland iaitu Gartcosh Fire Clay Works (1863-1950), Glenboig Union Fire Clay (1882-1965) dan Boghead Fire Clay (1889-1930). Batu-bata ini telah diimport khas dari Singapura yang mempunyai banyak rangkaian jenama bata yang berkualiti terutamanya dari Scotland. Turut ditemui adalah batu bata keluaran Labuan Coalfields Company Limited (1902-1911) dengan jenama LCCL. Bagi menambahbaik, melengkap dan mendokumentasikan pelbagai maklumat berkaitan koleksi artifak berkenaan Menara Chimney, kajian lanjutan terus dilakukan dari masa ke semasa. Hasil dapatan penyelidikan kepustakaan telah memperolehi maklumat berkenaan material asas bagi membuat batu-bata keluaran syarikat-syarikat Inggeris yang diperolehi daripada tanah liat berkualiti yang dilombong jauh di bawah tanah dengan menggunakan terowong-terowong seperti mana perlombongan arang batu. Oleh yang demikian, kebanyakkan kegiatan perlombongan arang batu akan menemukan sumber tanah liat terbaik bagi menghasilkan batu bata yang berkualiti. Inilah antara sebab mengapa Menara Chimney masih kukuh binaannya sehingga ke hari ini kerana faktor bahan asas batu bata yang berkualiti digunakan dalam pembinaannya.

Bata Gartcosh

Pada awal abad ke-19, industri perlombongan arang batu telah berkembang di Gartcosh dengan kewujudan beberapa buah tapak perlombongan yang dihubungkan dengan landasan kereta api ke Glasgow untuk membawa penumpang tempatan dan juga arang batu. Sejak pertengahan abad ke-19 Gartcosh sangat terkenal dengan industri besi dan batu bata tanah liat di Scotland. Bata Gartcosh telah dihasilkan oleh syarikat Gartcosh Fire Clay Works yang beroperasi pada 1863 hingga 1950. Penghasilan bata Gartcosh adalah daripada tanah liat sekunder yang tahan api. Jenis tanah liat ini adalah daripada tanah batu keras yang dilombong dengan menggunakan teknik letupan dan penggerudian seperti juga perlombongan arang batu. Kebanyakan tanah liat tahan api berwarna terang (putih) kelabu gelap atau kehitaman dan lazimnya ditemui dalam bentuk bongkahan padat. Kadar kandungan aluminiumnya tinggi dan sedikit beralkali selain takat leburnya boleh mencapai sehingga suhu ± 1500 ºC. Tanah liat ini mempunyai kerintangan pada suhu sangat tinggi sebelum mengubah bentuk kerana kandungannya yang terdiri daripada mineral tahan api seperti kaolin, aluminium dan silika yang sering digunakan untuk bahan campuran pembuatan produk *stoneware* dan juga porselin. Lazimnya bata Gartcosh adalah berwarna putih, kelabu dan merah keperangan bergantung kepada komposisi bahan yang digunakan dan suhu pembakaran. Penemuan artifak batu bata Gartcosh yang terdapat di Muzium Chimney samada bata yang lengkap atau serpihan dengan ketebalan antara 6cm hingga 8cm, panjang 23cm serta berwarna kelabu dan keperangan.

Bata Glenboig

Glenboig adalah sebuah kawasan perkampungan pertanian yang terletak di Utara Lanarkshire , Scotland berhampiran Utara Coatbridge dan ke Tenggara Kirkintilloch. Seperti Gartcosh, Glenboig turut berkembang dengan aktiviti perindustrian terutamanya industri penghasilan batu bata tanah liat. Syarikat Glenboig Union Fire Clay (1882-1965) merupakan pengeluar terbesar batu bata tanah liat di dalam sejarah industri Scotland selepas penutupan Syarikat Gartcosh Fire Clay pada tahun 1950-an. Selain mengeluarkan jenama Glenboig, syarikat ini turut menghasilkan bata Star Work Glenboig, Nocilis, dan Contacic malahan syarikat ini telah mengambil alih operasi kilang Gartcosh dan terus menghasilkan bata berjenama Gartcosh. Semasa zaman kegemilangan syarikat Glenboig, ia telah berjaya menjadikan bata keluarannya bertaraf antarabangsa dan mendapat permintaan yang tinggi daripada negara-negara di Eropah, Kanada, Australia, Amerika dan negara-negara di benua Asia. Beberapa koleksi batu bata Glenboig di Muzium Chimney yang lengkap mahupun berbentuk serpihan adalah berwarna keperangan dengan ketebalan antara 6cm hingga 8cm.

Bata Boghead

Bata Boghead telah dihasilkan oleh Boghead Fire Clay (1889-1930) di Armadale, sebuah bandar di daerah West Lothian, Scotland. Armadale dahulunya dikenali sebagai Barbauchlaw merupakan bekas bandar perlombongan yang kemudiannya begitu terkenal kerana industri pembuatan bata. Reputasi bata tanah liat Armadale sangat dikenali di peringkat antarabangsa kerana keluaran batu batanya yang berkualiti dengan kandungan alumina tinggi yang tahan kepada rintangan haba. Antara jenama bata keluaran Armadale ialah ATLAS, ETNA, BOGHEAD, CRAIGRIGG dan MUIR. Penemuan beberapa serpihan bata Boghead mendapati ia mempunyai warna kelabu putih dan mempunyai ketebalan 6cm.

JENAMA	KILANG	TAHUN KELUARAN
ATLAS	Atlas Fire Clay Co.Ltd	1882-1973
ATLAS GB	Atlas Fire Clay Co.Ltd	1882-1973
ATLAS STIRLING	Atlas Fire Clay Co.Ltd	1882-1973
KAWAH-GB	Atlas/Etna Fire Clay Co.Ltd	1880/1890-1970
ETNA	Etna Brickworks	1890-1947
ETNA GB	Etna Brickworks	1890-1960
BAR-UNDANG	Barbachlaw Brickworks	1897-1947
MUIR	Barbachlaw Brickworks	1897-1947
MUIR ARMADALE	Barbachlaw Brickworks	1897-1947
BOGHEAD	Boghead Fire Clay	1889-1930
BOGHEAD GLASGOW	Boghead Fire Clay	1889-1922
CRAIGRIGG	Craigrigg Fire Clay Westfield	1938-1950

Jenama bata keluaran kilang-kilang Armadale, West Lothian Scotland
Sumber: scottishbrickhistory.co.uk

Bata LCCL

Bata LCCL telah dihasilkan oleh Labuan Coalfield Company Limited. Menurut laporan kajian Lynette Silver seorang sejarawan Australia bertajuk *Solving The Mystery Of The Labuan Chimney*, beliau menyatakan bahawa Labuan Coalfield Company Limited telah ditubuhkan pada tahun 1902 dengan modal permulaan sebanyak 60,000pound sterling. Syarikat ini telah menjalankan beberapa aktiviti perniagaan, perlombongan arang batu di Labuan, penghasilan tar serta pembuatan batu bata dengan jenama LCCL. Jumpaan beberapa artifak batu bata lama jenama LCCL di tapak Menara Chimney dan kawasan sekitarnya mendapati saiznya lebih tebal jika dibandingkan dengan batu bata keluaran syarikat Inggeris dari Scotland iaitu antara 7cm hingga 9cm. warna keperangannya juga yang lebih cerah berbanding bata Gartcosh dan Glenboig

Jumpaan deposit lapisan tanah liat yang banyak di kawasan perlombongan arang batu ~~di~~ *Coal Point* (Tanjung Kubong) telah mendorong *Labuan Coalfield Company Limited* lebih mengutamakan kerja-kerja penghasilan batu bata bagi memenuhi keperluan pembangunan di Tanjung Kubong. Oleh kerana permintaan bekalan batu bata yang tinggi, Labuan Coalfield Company Limited telah membina serombong pengalihan udara dan tanur (kiln) pembakaran yang lebih besar. Sehubungan itu, Chimney telah didirikan bukan sahaja bersebelahan dengan lombong arang batu dan sumber tanah liat tetapi ia turut didirikan di kawasan yang tinggi bagi memudahkan proses melepaskan asap pembakaran ke ruang atmosfera.

Pengumpulan maklumat berkenaan pelbagai koleksi artifak di Muzium Chimney akan terus dilakukan sebagai usaha mendokumentasikan maklumat identifikasi beberapa koleksi batu bata Inggeris yang ditemui hasil daripada aktiviti konservasi dan ekskavasi arkeologi Menara Chimney serta eksplorasi arkeologi sekitar kawasan tapak perlombongan arang batu di Utara Labuan. Usaha ini diharap akan dapat menyediakan informasi yang lebih terperinci berkenaan koleksi warisan sejarah dan budaya di Wilayah Persekutuaan Labuan selain turut menyemarakkan usaha-usaha penyelidikan sejarah tempatan seterusnya merealisasikan muzium sebagai gedung ilmu berkonsepkan pendidikan tidak formal.



SUMBANGAN BEKALAN ASAS WARIS JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2021

Oleh: Sharipah Lok Lok binti Syed Idrus, Penolong Setiausaha WARIS JMM

Pada 12 Mac 2021, Biro Agama dan Kebajikan, Persatuan Rekreasi dan Sosial, Jabatan Muzium Malaysia (WARIS) dengan kerjasama Surau Al-Falah, Muzium Negara telah mengadakan majlis serahan sumbangan bekalan asas kepada pegawai dan kakitangan di jabatan bertempat di lobi Bahagian Khidmat Pengurusan. Penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim dengan diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Pengerusi WARIS, Cik Darniza binti Daut@Mohmud, turut hadir Setiausaha dan Bendahari Surau Al-Falah, Muzium Negara iaitu Encik Ummar bin Yusoff dan Puan Rosidah binti Abdullah.

Bagi memastikan pematuhan SOP sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dipatuhi, sesi agihan bekalan asas ini hanya melibatkan dua orang wakil dari setiap muzium, bahagian dan unit. Antara yang terlibat menerima penyerahan agihan bekalan asas tersebut adalah Muzium Negara, Muzium Seni Kraf Orang Asli, Bahagian Penyelidikan & Dokumentasi, Unit Pembangunan Modal Insan dan Unit Dasar & Perancangan Strategik. Sesi penyerahan kepada muzium, bahagian dan unit yang lain telah diadakan pada sebelah petang di Muzium Negara manakala bagi kakitangan di wilayah pula sumbangan telah disalurkan melalui amil masing-masing.

Pemberian ini adalah kesinambungan daripada sumbangan beras kepada semua ahli WARIS gred 32 dan ke bawah pada tahun lepas. Cuma bezanya pada kali ini sumbangan telah diperluaskan kepada semua 345 orang pegawai dan kakitangan jabatan yang masing-masing menerima bekalan makanan asas iaitu gula, tepung dan minyak masak. Sumbangan ini antara lainnya adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim antara pegawai dan staf Jabatan Muzium Malaysia di samping menggalakkan penglibatan lebih ramai pegawai dan kakitangan dalam aktiviti-aktiviti anjuran WARIS, Surau Al-Falah Muzium Negara dan lain-lain. Pemberian ikhlas ini juga merupakan inisiatif WARIS untuk menyantuni semua pegawai dan kakitangan termasuklah yang di wilayah.

11 Siri Program BICARA KURATOR 2021

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Platform Media : *Zoom Meet*

zoom

Pengenalan

Program Bicara Kurator merupakan satu pentas ilmiah atau platform untuk pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) membentangkan hasil penyelidikan, kepakaran dan pengalaman mereka yang berkaitan dengan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi. Perkongsian ilmu ini dapat dimanfaatkan dan didokumentasikan dalam bentuk rakaman, penerbitan manuskrip dan jurnal untuk dikongsi bersama-sama kakitangan muzium dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang permuziuman.

Siri 1

Tajuk : Pemilihan dan Perlantikan Yang di-Pertuan Agong: Disebalik Koleksi Terpilih Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.
Puan Salmiahwati Binti Djafar
Kurator
Muzium Tekstil Negara

April

Siri 2

April

Tajuk : Aktiviti Strategik Bagi Muzium Di Era Sains, Teknologi Dan Globalisasi; Kajian Kes Muzium Bioperubatan, Institut Penyelidikan Perubatan, Kuala Lumpur.
Puan Noraini Binti Osman
Pembantu Muzium
Unit Dasar dan Perancangan Strategik

Siri 3

Tajuk : Klasifikasi Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Mengikut Garis Panduan UNESCO dan Kelestarian Muzium.
Puan Maisaraf Binti Marman
Kurator
Bahagian Penyelidikan & Dokumentasi

Jun

Jun

Tajuk : "Bertunjangkan Akar Yang Sama, Pokoknya Tidak Semestinya Serupa" : Identiti Kemelayuan Melayu Bangkok.
Puan Siti Munirah Binti Kasim
Kurator
Unit Dasar dan Perancangan Strategik

Siri 4

Siri 5

Tajuk : Dunia Maritim Melayu : Peranan Masyarakat Iranun
Puan Nur Izma Syahida Binti Muhammad Ashari
Kurator
Bahagian Pengurusan Koleksi

Julai

Siri 6

Tajuk : Suhu dan Kelembapan Relatif : Satu Tinjauan Kawalan Persekitaran pada Koleksi Rangka Pengebumian Gua Cha di Muzium Negara
Puan Nor Jawehir Binti Raduan
Kurator
Bahagian Pengurusan Konservasi

Julai

Ogos

Tajuk : Pemilihan Warna dan Tekstur Dalam Pameran Muzium
Puan Norazizah Binti Masri
Penolong Kurator
Bahagian Pameran dan Pengembangan

Siri 7

Siri 8

Tajuk : Gadis Yang DiMahkotakan Sinaran Cahaya Matahari "Unduk Ngadau"
Puan Norhidayah Binti Ramely
Penolong Kurator
Unit Pembangunan Modal Insan

September

Siri 9

Tajuk : *Museum Branding as A Marketing Strategy in Attracting Visitors : A Case Study of Muzium Negara, Kuala Lumpur*
Puan Nor Hafizzah Binti Abd Rahman
Penolong Kurator
Bahagian Pameran dan Pengembangan

September

Siri 10

Oktober

Tajuk : Keunikan Budaya dan Amalan Tradisi Dalam Pembinaan Rumah Kg. Air Labuan
Puan Nurlina Binti Hamza@Michael
Penolong Kurator
Muzium Chimney

Oktober

Siri 11

Tajuk : Nilai Estetika Pada Persalinan Busana Tradisi Suku Kaum Bidayuh di Sarawak
Puan Shenna Anak Skem
Kurator
Muzium Tekstil Negara

KONSEP & PEREKA GRAFIK POSTER:
PUAN MAISARAF BINTI MARMAN / KURATOR
GAMBAR : UNIT SUMBER MEDIA JMM

Sebarang pertanyaan sila hubungi :
Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi, JMM | Tel : **03-22671000**
Puan Maisaraf : ext 249 | Puan Juliyana : ext 198
| Emel : research.jmm@gmail.com

Jabatan Muzium Malaysia

Muzium-Muzium di Bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

www.jmm.gov.my

MUZIUM NEGARA
KUALA LUMPUR

MUZIUM ADAT
JELEBU, NEGERI SEMBILAN

MUZIUM DIRAJA
KUALA LUMPUR

MUZIUM PERAK
TAIPING PERAK

GALERIA PERDANA
LANGKAWI

MUZIUM MATANG
PERAK

MUZIUM ARKEOLOGI
LEMBAH BUJANG, KEDAH

MUZIUM SUNGAI LEMBING
PAHANG

MUZIUM CHIMNEY
LABUAN

MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI
KUALA LUMPUR

MUZIUM SENI BINA MALAYSIA
BANDAR HILIR, MELAKA

MUZIUM KOTA KUALA KEDAH
KEDAH

MUZIUM KOTA KAYANG
PERLIS

MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL
SEPANG

MUZIUM KOTA JOHOR LAMA
JOHOR

MUZIUM LABUAN
LABUAN

MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU
KUALA LUMPUR

MUZIUM TEKSTIL NEGARA
KUALA LUMPUR

MUZIUM MARIN LABUAN
LABUAN

MUZIUM LUKUT
NEGERI SEMBILAN

MUZIUM KITA
TAMADUN KITA

Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur

Tel.: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255
Faks: (+603) 2282-6434 http://www.jmm.gov.my